# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

# Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

## HARI RABU : 26 JULAI 2017

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 104)**

[ SOALAN NO. 4 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.94 ]

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD**
**SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING**
**PARLIMEN MALAYSIA**

**NO. SOALAN: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]** |
| **TARIKH** | : | **26.07.2017 (RABU)** |

**DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha kerajaan untuk menyelamatkan kedai-kedai runcit kepunyaan individu-individu serta peniaga-peniaga kecil tempatan yang di ancam keadaan ekonomi lemah hari ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, KPDNKK telah dan sedang melaksanakan program-program memperkasakan peniaga-peniaga kecil tempatan melalui aspek latihan seperti program transformasi minda penjaja dan peniaga kecil, bimbingan keusahawanan dan bantuan pinjaman melalui skim pinjaman mikro bagi memantapkan minda dan perniagaan penjaja dan peniaga kecil.

Di samping itu, bagi membantu penjaja dan peniaga kecil tersebut, Kementerian juga telah melaksanakan program-program seperti berikut:

i. **Program Transformasi Minda (PTM)** bertujuan untuk mewujudkan penjaja dan peniaga kecil yang berdaya saing, mentransformasikan perniagaan serta meningkat dan mengembangkan perniagaan sedia ada.

ii. **Program *1Malaysia Micro Entrepreneur* (1MME)** bertujuan untuk memperkukuhkan modal insan di kalangan pemimpin persatuan penjaja dan peniaga kecil bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam tadbir urus persatuan penjaja dan peniaga kecil termasuk persatuan *food truck*.

iii. **Program Penjaja 1Malaysia (PP1M)** bertujuan untuk menaiktaraf imej perniagaan yang meliputi ruang dalaman/operasi perniagaan dan pemodenan operasi perniagaan seperti pengiktirafan BeSS, *Green Concept* dan Sistem POS.

iv. **Jelajah Transformasi Perniagaan (JTP)** bertujuan untuk memberi pendedahan berhubung kaedah perniagaan masa kini dan keusahawanan serta mewujudkan jaringan usahawan melalui kerjasama dengan agensi di peringkat negeri.

v. **Skim Pinjaman Mikrokredit** merupakan pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan kepada penjaja dan peniaga kecil yang bertujuan untuk membantu menaiktaraf dan meningkatkan modal perniagaan sedia ada seperti penambahan modal kerja/pusingan dan pembelian peralatan/aset.

**NO SOALAN :9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN (GERIK)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejayaan yang telah dikecapi daripada pelaksanaan Ops Gegar 1 dan Ops Gegar 2 yang telah dijalankan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semenjak awal tahun ini dalam usaha menjejak pengelak cukai yang tidak bertanggungjawab.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1) Operasi Gegar Bersepadu (OGB) yang dilaksanakan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mulai 10 April 2017 adalah merupakan satu operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan

terhadap pembayar cukai di seluruh negara. OGB telah dilaksanakan di dalam dua peringkat iaitu OGB1 dan OGB2. Antara aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan LHDNM melalui OGB1 ini adalah lawatan banci perniagaan (*business*), serahan notis tunggakan cukai dan tindakan mahkamah, audit cukai, siasatan cukai dan sesi pendidikan cukai. Pembayar cukai yang terlibat dalam operasi ini adalah meliputi individu, majikan, syarikat pemaju perumahan dan hartanah, syarikat pelaburan, syarikat pemborong, syarikat pembuat makanan, restoran, kontraktor, kedai buku, klinik dan perlombongan.

2) Melalui Ops Gegar Bersepadu 1 yang dijalankan pada 10 April 2017 hingga 14 April 2017, pihak LHDNM telah berjaya menyiasat 3,793 kes melibatkan nilai anggaran cukai dan penalti sebanyak RM1.976 bilion. Manakala OGB2 yang dijalankan dari 13 Jun 2017 hingga 30 Jun 2017, yang memfokuskan kepada kes tindakan audit dan semakan nota taksiran cukai dimana LHDNM telah berjaya menjalankan siasatan ke atas 2,597 kes yang melibatkan amaun anggaran cukai sebanyak RM115 juta. Secara keseluruhannya melalui OGB1 dan 2, LHDNM telah berjaya menjalankan siasatan ke atas 6,390 kes yang melibatkan jumlah nilai taksiran cukai sebanyak RM2.091 bilion.

**SOALAN NO.: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]**

**TARIKH** : **26 JULAI 2017 [ RABU ]**

**SOALAN** :

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bilangan pekebun kecil sawit yang menepati pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dan perkembangan usaha untuk membantu mereka untuk mendapatkan MSPO.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil* - MSPO) telah dibangunkan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan semasa dalam negara. Skim ini telah mula dilaksanakan secara sukarela mulai tahun 2015 dan Kementerian telah menubuhkan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia *(Malaysian Palm Oil Certification Council* – MPOCC) bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pensijilan minyak sawit Malaysia di bawah MSPO.

Kementerian juga telah mengumumkan pelaksanaan pensijilan MSPO secara mandatori mulai 31 Disember 2019. Bagi mencapai matlamat ini, peluasan pensijilan secara berperingkat akan dilaksanakan bermula dengan syarikat-syarikat perladangan dan diikuti oleh para pekebun kecil. Kemajuan pelaksanaan akan dipantau dan langkah-langkah bersesuaian akan diambil agar MSPO diterima pakai oleh para penanam sawit, kilang buah sawit dan kilang penapis. Langkah ini akan membolehkan semua pihak dalam rantaian pengeluar minyak sawit disijilkan dengan MSPO.

Sehingga 13 Julai 2017, seramai 2,007 orang pekebun kecil sawit merangkumi pekebun kecil persendirian dan terancang dengan keluasan tanaman 7,822.36 hektar telah menepati kriteria dan memperolehi pensijilan MSPO.

Dalam hal ini, Kementerian akan memastikan pekebun-pekebun kecil sawit tidak ketinggalan dalam pelaksanaan MSPO dan akan terus dibantu dari segi khidmat nasihat, latihan, bimbingan penyediaan dokumentasi dan audit dalaman.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 26 JULAI 2017

SOALAN:

**Datuk Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pengangguran di Malaysia terutamanya yang melibatkan golongan siswazah lepasan universiti dalam dan luar negara serta apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian dalam usaha menurunkan kadar pengangguran di Malaysia.

PR-1352-L02250

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur rakyat Malaysia pada tahun 2016 adalah seramai 504,100 orang dengan kadar pengangguran sebanyak 3.4 peratus, iaitu peningkatan sebanyak 0.3 peratus berbanding dengan kadar pengangguran pada tahun 2015 yang melibatkan seramai 450,300 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 131,600 orang atau 26.1 peratus merupakan bilangan penganggur dari golongan siswazah lepasan universiti dalam dan luar negara pada tahun 2016.

2. Bagi membantu golongan ini mendapat pekerjaan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk *bridging* program yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi seperti berikut:

(i) Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk menyelaras penglibatan pihak industri bagi mengumpulkan maklumat mengenai keperluan industri. Selain itu, Jawatankuasa Jurang Kemahiran kritikal juga telah ditubuhkan di bawah seliaan bersama *Talent Corporation* dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk

membantu JKI mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, terutamanya dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan masa hadapan.

(ii) Program *Graduates Enhancement Programme for Employability (GENERATE)* oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

Program ini bertujuan untuk membantu golongan graduan/ siswazah menganggur menerusi latihan berkemahiran tinggi dan *application-based* yang diperlukan oleh industri bagi mempertingkatkan kebolehpekerjaan.

(iii) Program Pekerja dan *Future Worker* oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)

Program ini dilaksanakan kepada golongan future worker yang merangkumi kursus *hard skills, high impact and high value* yang memenuhi keperluan industri setempat. Kursus yang dijalankan ini merupakan nilai tambah kepada pencari kerja dan seterusnya menjadi pelengkap kepada *skills gap* di antara pelatih dan kehendak majikan.

(iv) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama *JobsMalaysia.*

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

3. Selain itu, bagi memudahkan golongan ini mendapatkan pekerjaan, KSM turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

(i) Portal Perkhidmatan Pekerjaan

JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) merupakan portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pemadanan kerja.

(ii) Penubuhan Pusat Kerjaya (*JobsMalaysia Centre*) di *Urban Transformation Centre (UTC)*

Pada masa kini *JobsMalaysia Centre (JMC)* telah beroperasi di 11 buah UTC. Selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri seperti diumumkan dalam Bajet 2017, iaitu untuk mewujudkan pusat kerjaya di setiap UTC seluruh negara, KSM dengan kerjasama lain-lain agensi kerajaan bakal mewujudkan JMC di UTC-UTC lain di seluruh negara. JMC berperanan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti mengenai maklumat berkaitan peluang pekerjaan, bimbingan kerjaya, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan, pemadanan pekerjaan, temuduga serta penempatan pekerjaan.

(iii) Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya *(Career Information Centre)*

Ia berfungsi sebagai *"One Stop Centre"* bagi pencari kerja. Pusat ini bertempat di *JobsMalaysia* yang berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja.

(iv) Penganjuran lebih banyak karnival kerjaya di *JobsMalaysia Centre (JMC)* di seluruh negara. Karnival kerjaya yang telah diadakan pada 20 Mei 2017, telah dikunjungi oleh 18,456 pencari kerja dan seramai 7,588 telah berjaya mendapat pekerjaan.

**NO SOALAN :12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan tegas Kerajaan ke atas pelaburan skim 'pyramid MBI' dan 'money games' yang terus beroperasi dan mendapat sambutan ramai walaupun Kerajaan telah bertindak ke atas pengusaha.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai tindakan penguatkuasaan dan langkah pencegahan telah diambil oleh pelbagai agensi dalam usaha membanteras aktiviti skim cepat kaya, seperti berikut :

i) Menjalinkan kerjasama strategik melalui penubuhan *Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud* (SCOFF) di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*) (NCC).

- Menggalakkan perkongsian maklumat dan kerjasama dalam penyiasatan aktiviti jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- Menjalankan operasi serbuan bersama yang melibatkan semua agensi penguatkuasa yang mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah undang-undang seliaan agensi masing-masing.

ii) Menubuhkan Jawatankuasa Penipuan Kewangan (JPK) dalam Talian (*Online Financial Fraud Taskforce*).

- JPK bertujuan untuk membanteras jenayah kewangan dalam talian dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategik di antara ahli, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

iii) Mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai yang meliputi pengumuman di media massa, seperti di akhbar-akhbar

tempatan, siaran televisyen dan radio; juga program kesedaran dan pendidikan pengguna di peringkat nasional, seperti Hari Pengguna, Karnival Kewangan, Hari Koperasi Malaysia, Minggu Kesedaran Kewangan (M2K) serta Minggu Saham Amanah Malaysia yang dijalankan setiap tahun.

iv) Menyenaraikan nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang kementerian / agensi.

- BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengambil langkah inisiatif dengan menyenaraikan nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang agensi masing-masing; dan
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) turut mempunyai senarai status pendaftaran syarikat jualan langsung di laman sesawang mereka.

v) Menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat *Multi Level Marketing* (MLM), skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing.

- BNM; Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan TELELINK

Laman Web : http://www.bnm.gov.my

No. Telefon : 1-300-88-5465

- SC; *SC Investor Alerts*

  Laman Web : http://www.sc.com.my

  No. Telefon : 03-8204 8999

- KPDNKK; Sistem E-Aduan KPDNKK

  E-mel : e-aduan@kpdnkk.gov.my

- SKMM

  Laman Web : http://www.aduan.skmm.gov.my

  E-mel : aduanskmm@cmc.gov.my

  No. Telefon : 1-800-888-030

Tuan Yang di-Pertua,

Antara punca utama aktiviti skim cepat kaya masih terus berleluasa di Malaysia adalah disebabkan sifat orang ramai yang terlalu percaya kepada janji-janji pulangan imbuhan yang terlalu tinggi oleh skim tersebut. Mereka cenderung mengambil risiko menyertai skim-skim yang ditawarkan tanpa penilaian objektif dan tanpa menyemak

dengan pihak berkuasa yang berkaitan. Terdapat juga para pelabur yang sengaja menyertai skim-skim berkenaan di peringkat awal bagi mendapat imbuhan sebelum skim berkenaan gagal sepenuhnya. Selain itu, terdapat juga para pelabur yang enggan membuat laporan kepada pihak berkuasa kerana malu dan bimbang dengan kemungkinan akan kehilangan wang pelaburan. Dalam masa yang sama, modus operandi sindiket turut sering kali berubah. Sindiket-sindiket ini menggunakan teknologi terkini bagi memperdaya orang awam, serta bertujuan menyukarkan pihak berkuasa mengesan aktiviti-aktiviti tersebut.

Setakat 12 Julai 2017, BNM telah menyenaraikan sebanyak 334 syarikat di dalam "Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (SPPK)" atau "*Financial Consumer Alert*" di laman sesawang BNM. Tujuan senarai tersebut dimuat naik ke dalam laman sesawang tersebut adalah sebagai langkah peringatan kepada semua pengguna memandangkan syarikat-syarikat tersebut disalah anggap sebagai mendapat lesen, dibenarkan menjalankan kegiatan dan dikawal selia oleh mana-mana pihak berkuasa.

Penyenaraian dibuat berdasarkan penilaian atas maklumat, pertanyaan dan aduan yang diterima oleh BNM berhubung dengan

aktiviti individu dan entiti yang berkenaan. Oleh yang demikian, BNM juga menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat atau menujukan sebarang pertanyaan berkaitan kepada pihak BNM melalui perkhidmatan Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan TELELINK di nombor 1-300-88-5456 atau menghantar e-mel di alamat bnmtelelink@bnm.gov.my jika mereka mempunyai sebarang maklumat atau soalan mengenai skim-skim pelaburan yang diragui.

Selain itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, aktiviti skim cepat kaya merupakan satu kesalahan di bawah bidang kuasa pelbagai agensi penguatkuasa termasuk BNM, PDRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain. Oleh yang demikian, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh mana-mana agensi-agensi tersebut berdasarkan akta-akta yang dikawal selia oleh agensi-agensi berkenaan. Sebagai contoh, dari tahun 2013 sehingga April 2017, 35 kes yang disiasat di bawah akta yang dikawal selia oleh BNM telah dihadapkan ke mahkamah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI [SUNGAI BESAR]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (RABU)** |
| **SOALAN** | : | **13** |

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan jangka masa pendek dan panjang pihak Kementerian dalam memperkasakan peranan Tadika KEMAS agar ianya selari dengan sistem pendidikan awal kanak-kanak pada masa kini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga kini, KEMAS mempunyai sebanyak 11,229 buah kelas Tabika KEMAS dengan seramai 220,222 orang kanak berumur 4 hingga 6 tahun diseluruh negara.

Semenjak penubuhannya, Tabika KEMAS telah banyak memainkan peranan dalam memastikan kanak-kanak terutamanya dikawasan luar bandar dapat menikmati pendidikan awal yang berkualiti secara percuma.

Malah, pihak Readers Digest Asia telah mengiktiraf Tabika KEMAS sebagai *One Of Trusted Brand For Preschool Learning Centre* bagi tahun 2017 setanding dengan Tabika Swasta di Malaysia. Kaedah pemilihan ini dilaksanakan melalui undian atas talian yang dijalankan oleh pihak Readers Digest kepada hampir 8,000 orang terhadap sistem pendidikan prasekolah di negara ini yang mengambil kira aspek inovasi, mutu dan tanggungjawab social, kebolehpercayaan, kreadibiliti, kebolehfahaman kepada kehendak pengguna.

Bagi memastikan kelestarian kualiti dan peranan Tabika KEMAS agar sentiasa relevan dengan arus perdana sistem pendidikan awal kanak-kanak pada masa kini maka pelbagai strategi dan program telah dirangka. Tabika KEMAS menggunapakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) serta Instrumen Pentaksiran PraSekolah Kebangsaan

(IPPK) bagi mentaksir perkembangan kanak-kanak yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Selaras dengan Pelan Transformasi Luar Bandar untuk meningkatkan pembangunan modal insan yang cemerlang ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 maka KEMAS telah memperkenalkan Transformasi Tabika KEMAS dengan menambahbaik silibus pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

Pelaksanaan transformasi ini adalah sejajar dengan aspirasi menjadikan Tabika KEMAS sebagai pilihan utama ibubapa dengan memberikan nilai tambah kepada silibus pembelajaran sedia ada melalui tiga (3) modul iaitu:

i) Penghayatan Pendidikan Islam (PPI);
ii) Pemupukan Semangat Patriotik; dan
iii) Modul Keyakinan Diri.

Program ini akan menyokong kepada aspirasi murid seperti yang dihasratkan oleh sistem pendidikan negara untuk melahirkan murid yang berkemahiran, berpengetahuan, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional.

Menyedari hakikat bahawa pendidikan berkualiti terhasil daripada kompetensi personal yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, maka kualiti Pemaju Masyarakat (guru) Tabika KEMAS juga telah dipertingkatkan. KEMAS turut menyokong usaha kerajaan dengan memastikan semua guru Tabika KEMAS mempunyai kelayakan akademik diploma

dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga kini seramai 7,365 orang telah memiliki Diploma serta seramai 718 orang yang sedang dalam pengajian di IPTA dan IPTS tempatan. Menjelang tahun 2020 dianggarkan kesemua Pemaju Masyarakat Tabika memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Peranan mendidik anak-anak bukan tanggungjawab guru semata-mata. KEMAS juga menyediakan latihan dan kemahiran kepada ibu bapa melalui Bengkel Kemahiran Keibubapaan bagi membolehkan ibu bapa memahami akan kepentingan pendidikan awal serta memberi panduan kepada ibu bapa dari segi aspek pemakanan berkhasiat serta amalan gaya hidup sihat. Ilmu dan kemahiran yang diperolehi boleh digunakan dalam kehidupan seharian sekeluarga.

KEMAS juga telah merangka dan melaksanakan pelbagai program ko-kurikulum seperti Hari Potensi, Selawat Perdana serta Sambutan Hari Kebangsaan di Tabika KEMAS yang bertujuan untuk mengilap potensi dan bakat kanak-kanak serta memupuk kecintaan mereka kepada negara, bangsa dan agama disamping dapat menjalinkan kerjasama erat dengan ibu bapa dan masyarakat setempat.

**Soalan No: 14**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

(a) sama ada seseorang yang tidak pernah menduduki peperiksaan SPM dibenarkan mengambil kertas peperiksaan SPM Bahasa Melayu sahaja (single subject) memandangkan kelulusan dengan kepujian dalam Bahasa Melayu diwajibkan bagi pengambilan penjawat awam; dan

(b) adakah Kementerian bercadang untuk membuka kelas atau kursus pengajaran Bahasa Melayu seperti IELTS dan TOEFL.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa calon sekolah dan calon persendirian yang tidak pernah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang pertama kali mendaftar untuk peperiksaan SPM hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam/Pendidikan

Moral. Walau bagaimanapun, bagi individu yang mendapat tawaran sebagai penjawat awam di Malaysia yang memerlukan kelulusan Bahasa Melayu SPM, boleh memohon mendaftar kertas peperiksaan SPM Bahasa Melayu tunggal.

b) KPM sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang baharu sahaja dilaksanakan turut memasukkan elemen peningkatan penguasaan bahasa Melayu. KPM juga telah membangunkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025. Sehubungan dengan itu, KPM tidak mempunyai perancangan untuk membuka kelas atau kursus pengajaran Bahasa Melayu seperti IELTS dan TOEFL.

RJM26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS**

**TARIKH : 26.07.2017**

**SOALAN : NO.15**

**Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**
menyatakan :-

(a) berapakah bilangan mereka yang dikesan menggunakan gelaran Dr palsu; dan
(b) apakah usaha Kementerian untuk membendung masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menerima laporan berhubung penyalahgunaan gelaran Dr. di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Walau bagaimanapun, terdapat satu kes berkaitan yang dilaporkan di Universiti Awam (UA) pada tahun 2016.

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu terutamanya Ijazah Kedoktoran (PhD), KPT telah mengambil langkah-langkah berikut:

(a) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya melibatkan Penawaran Ijazah Palsu

melalui internet bagi menyekat mana-mana laman web yang disyaki;

(b) bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya melibatkan penipuan sijil yang boleh menyebabkan kerugian ke atas mana-mana pihak;

(c) memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dengan menyemak status sijil individu melalui Agensi Kelayakan Malaysia sekiranya melibatkan institusi di Malaysia dan sekiranya institusi luar negara, ianya boleh disemak melalui pihak berkuasa negara berkenaan;

(d) membangunkan pengkalan data pemegang PhD bagi semua UA. Ia bertujuan untuk memudahkan semakan secara setempat berbanding sebelum ini dimana data hanya disimpan oleh UA masing-masing. Kini, pangkalan data ini boleh juga digunakan untuk menyemak bagi Penerima Anugerah Ijazah Kehormat, Profesor Emeritus, Profesor Diraja dan Profesor Ulung; dan

(e) menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas IPTS bagi memastikan kepatuhan terhadap akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996). Akta tersebut turut memperuntukkan bahawa tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

**NO. SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**RUJUKAN : 9961**

**SOALAN :**

**Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah tergugur taraf kerakyatan Malaysia akibat daripada memiliki kerakyatan negara lain serta sejauh manakah sistem sedia ada mampu mengenalpasti individu-individu yang telah memiliki kerakyatan dari negara lain.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), seramai 5,218 orang individu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia kerana melakukan kesalahan di bawah Perkara 24(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu memiliki kewarganegaraan negara asing.**

**Sistem pendaftaran sivil di JPN menyimpan maklumat individu yang berdaftar dan seterusnya dikeluarkan dengan dokumen oleh Jabatan ini. Sehubungan dengan itu, JPN tidak mempunyai rekod berhubung kewarganegaraan yang diberikan oleh Kerajaan negara asing kepada warganegara Malaysia.**

**Walau bagaimanapun, bagi menguatkuasakan perundangan dan dasar Kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf dwi kewarganegaraan, tindakan pelucutan boleh dilaksanakan oleh JPN melalui laporan mana-mana pihak seperti agensi Kerajaan atau orang perseorangan. Laporan yang dikemukakan perlulah mengandungi butiran mengenai individu yang dilaporkan serta bukti-bukti yang relevan bagi membantu siasatan lanjut oleh JPN. Laporan yang tidak disertakan dengan bukti akan menyukarkan siasatan, menyebabkan fail kes tidak kukuh dan seterusnya tindakan pelucutan kewarganegaraan tidak dapat dijalankan.**

**NO SOALAN : 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG (HULU RAJANG)**

**TARIKH : 26.07.17 (RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Jalan Jiwa Murni Belaga dari Nanga Merit - Kapit siap sepenuhnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan jalan dari Belaga ke Nanga Merit sedang dilaksanakan dan pelaksanaannya adalah mengikut jadual yang telah dirancang. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2020.



Kemas kini pada :

**Soalan No: 18**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

(a) apakah impak ke atas latihan guru serta keperluan guru di Sabah selepas penutupan empat IPG Sabah; dan

(b) bilangan graduan guru dilatih dari empat IPG di Sabah setiap tahun dari tahun 2012 hingga 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan bahawa tiada Institut Pendidikan Guru (IPG) yang akan ditutup. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 telah bersetuju bahawa hanya dua (2) kampus IPG di Sabah, iaitu IPG Kampus Keningau ditukar fungsi menjadi kolej vokasional (KV) dan IPG Kampus Tawau ditukar fungsi menjadi Politeknik di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Walau bagaimanapun, pertukaran fungsi tersebut dilaksanakan secara

berfasa sehingga kohort pelajar IPG terakhir menamatkan pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu pada tahun 2021. Manakala dua (2) kampus IPG di Sabah iaitu IPG Kampus Kent dan IPG Kampus Gaya masih berfungsi memberikan latihan perguruan dan dapat menampung ambilan guru praperkhidmatan.

b) Bilangan graduan guru di empat (4) kampus IPG di Sabah bagi tahun 2012 ialah seramai 303 orang, tahun 2013 seramai 294 orang, tahun 2014 seramai 597 orang, tahun 2015 seramai 370 orang. Jumlah graduan IPG Sabah bagi tahun 2016 ialah seramai 304 orang.

RJM22

**SOALAN NO.: 19**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH** |
| **KAWASAN** | : | **KALABAKAN** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017, RABU** |

**SOALAN:**

**YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

(a) setakat hari ini berapakah panjang jalan Pan Borneo sudah dibina dan berapa kos yang sudah dibayar; dan

(b) kawasan Pan Borneo ini meliputi Sabah dan Sarawak berapakah panjang jalan di Sarawak dan di Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo dipecahkan mengikut negeri iaitu Sarawak dan Sabah.

Untuk Negeri Sabah, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penelitian.

Sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 5 pakej daripada keseluruhan 35 pakej bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah memulakan kerja-kerja pembinaan. Status kemajuan fizikal bagi 5 pakej tersebut sehingga bulan Jun 2017 adalah seperti berikut:

(a) Pakej dari Donggongon ke Papar (11.7km); Kemajuan semasa adalah 22.34% (sebenar) berbanding 35.11% (jadual);

(b) Pakej dari Tawau ke Semporna (5.0km); Kemajuan semasa adalah 30.20% (sebenar) berbanding 39.67% (jadual);

(c) Pakej Lahad Datu Bypass (7.0km); Kemajuan semasa adalah 7.23% (sebenar) berbanding 14.84% (jadual);

(d) Pakej dari Sindumin ke Kg. Melalia (28.4km); dan

(e) Pakej dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32 (18.0km) masih lagi dalam kerja-kerja pra-pembinaan.

Untuk makluman, peruntukan bagi kos pembinaan yang telah diluluskan untuk pelaksanaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah sebanyak RM 12.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM 39 juta telah dibayar** kepada kontraktor yang terlibat.

Untuk negeri Sarawak, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dilaksanakan secara 2 fasa. Fasa pertama melibatkan jajaran dari Telok Melano ke Miri sepanjang 786 km yang kini sedang giat dilaksanakan dipecahkan kepada 11 pakej. Sehingga bulan Jun 2017, daripada RM16.488 bilion yang diperuntukkan untuk Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, sebanyak **RM490 juta telah dibelanjakan** bagi tujuan kerja-kerja pembinaan dengan status kemajuan fizikal semasa secara keseluruhan ialah 3.94% (sebenar) berbanding 2.62% (jadual). Manakala fasa kedua yang melibatkan jajaran di bahagian Limbang dan Lawas, Kerajaan kini dalam proses memuktamadkan penilaian teknikal dan kos serta dijangka dimulakan pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN :20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terbaru penyiasatan kes penipuan insurans di Sibu yang berlaku pada tahun 2015. Syarikat insurans Gibraltar BSN dan Tokyo Marine sudah memulangkan semua wang kepada mangsa, tetapi Syarikat MCIS belum membuat demikian. Apakah tindakan akan diambil oleh Bank Negara Malaysia terhadap MCIS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes penipuan insurans di Sibu melibatkan ejen-ejen insurans yang bertindak di luar bidang kuasa

yang telah ditetapkan di bawah perjanjian agensi masing-masing. Di antara penipuan yang telah dilakukan oleh ejen-ejen tersebut termasuk pemalsuan maklumat pemegang polisi dalam borang permohonan, pengeluaran resit palsu, pengubahsuaian maklumat-maklumat polisi insurans tanpa kebenaran dan menjanjikan pulangan tinggi yang tidak termaktub dalam polisi insurans. Kes penipuan juga telah melibatkan siasatan pelbagai pihak termasuk Polis DiRaja Malaysia di bawah Kanun Keseksaan (*Penal Code*).

Dalam hal ini, syarikat MCIS telah diarah oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjalankan siasatan terperinci dan sehubungan dengan itu, BNM telah menghendaki MCIS untuk memastikan penyelesaian yang adil kepada pemegang-pemegang polisi sekiranya terdapat bukti-bukti kukuh terhadap aduan mengenai penipuan tersebut.

**SOALAN ( 21 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| TARIKH | : | 26 JULAI 2017<br>[ RABU ] |
| DARIPADA | : | YB. DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD<br>[PARIT SULONG] |

**SOALAN :-**

**YB. Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **status pelaksanaan pengasingan sisa pepejal bagi setiap premis dan rumah yang telah diumumkan bermula pada September 2015 yang lalu** dan **sejauh mana dasar ini telah berjaya dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca telah bermula pada 1 September 2015 secara serentak di 7 buah negeri yang menerimapakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis dengan melibatkan 53 buah kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bilangan premis yang terlibat adalah sebanyak 2,189,288 premis yang mana 1,651,906 merupakan premis bertanah dan 537,382 premis bertingkat.

Pelaksanaan program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca dan program 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh melibatkan pelbagai golongan sasaran sebagai usaha meningkatkan amalan kitar semula di kalangan masyarakat negara ini. Menerusi program pengasingan sisa pepejal ini, barangan kitar semula

yang telah diasingkan oleh isi rumah ini boleh dijual kepada vendor kitar semula atau dihantar ke Pusat Kitar Semula atau diletakkan di sebelah tong sampah untuk dikutip mengikut jadual 2 kali dalam seminggu untuk kutipan sisa domestik dan 1 kali dalam seminggu untuk kutipan sisa kitar semula dan sisa pukal (2 + 1) yang telah ditetapkan.

Secara umumnya, masyarakat memberikan sokongan dan sambutan yang positif terhadap inisiatif ini. Hal ini dapat dilihat dengan jumlah kutipan sisa kitar semula yang telah berjaya dikumpul melalui kutipan (2 + 1) iaitu sebanyak **3,651.01 tan** semenjak ia dilaksanakan bermula dari 1 September 2015 sehingga 30 Jun 2017 melalui kutipan dari rumah ke rumah oleh syarikat konsesi.

Hasil pelaksanaan pengasingan sisa pepejal dan amalan kitar semula ini telah menyumbang kepada peningkatan kadar kitar semula negara dari 17.49% pada tahun 2016 kepada 20.9% pada tahun 2017 seiring dengan sasaran kadar kitar semula negara sebanyak 22% menjelang tahun 2020 dan melebihi 2% setahun seperti yang disasarkan. Kejayaan ini disumbang oleh pemerkasaan program dan kempen yang telah dilaksanakan secara

berterusan di mana masyarakat diberikan maklumat yang jelas berhubung penguatkuasaan ini.

Pihak Kementerian yakin melalui komitmen yang ditunjukkan oleh segenap masyarakat melalui pembudayaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca ini akan dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula, memanjangkan jangka hayat sesebuah tapak pelupusan, mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau dan seterusnya dapat mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal secara keseluruhannya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**SOALAN NO: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | **22** |

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kerajaan akan menaik taraf Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan adakah proses pengambilalihan tanah di sebelah hospital telah selesai.

**Tuan Yang Di Pertua,**

KKM telah mengemukakan permohonan pemberimilikan tapak bersebelahan Hospital bagi tujuan parkir kenderaan awam Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan perkara ini masih dalam tindakan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum keperluan untuk menaiktaraf Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar memandangkan pertambahan beban kerja dengan pertambahan pesakit dan juga kadar penggunaan katil yang tinggi (*Bed occupancy rate* (dengan izin) mencecah 75%). Sehubungan dengan itu, KKM merancang untuk membina sebuah Pusat Rawatan Harian di hospital ini yang merangkumi perkhidmatan klinik pakar, wad rawatan harian, hemodialisis, rehabilitasi dan lain-lain yang berkaitan. Cadangan pembinaan Pusat Rawatan Harian hospital ini telah pun dikemukakan sebagai salah satu projek untuk *3rd Rolling Plan* (dengan izin), Rancangan Malaysia Kesebelas (RP3, RMKe-11) untuk mendapatkan peruntukan.

**SOALAN ( 23 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 JULAI 2017
[ RABU ]

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
[ SABAK BERNAM ]

SOALAN :

**YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan pendapatan dan kualiti hidup rakyat dapat terus ditingkatkan serta langkah bagi menangani kos sara hidup yang terus meningkat khususnya bagi golongan rendah dan sederhana.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pelbagai usaha pembangunan secara inklusif diteruskan dengan fokus diberikan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi memastikan pendapatan dapat terus ditingkatkan yang di antaranya adalah;

**PERTAMA**; Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden, di mana golongan ini digalakkan menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan, khususnya dalam bidang keusahawanan.

**KEDUA**; Meningkatkan sokongan bersepadu kepada usahawan di mana kerjasama agensi menyediakan program sokongan keusahawanan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar seperti SME Corp, TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

**KETIGA**; Membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial yang merupakan pendekatan sistematik berasaskan model koperasi

bagi menjalankan aktiviti seperti pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak dan pusat tuisyen.

**KEEMPAT**; Menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti golongan rendah dan sederhana dengan penyertaan syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan untuk memberi galakan melalui penyediaan Dana Mudahcara.

Dalam RMKe-11 juga, ada digariskan beberapa langkah Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, di antaranya adalah;

**PERTAMA**; Meningkatkan penyediaan Rumah Mampu Milik melalui pelbagai agensi, termasuklah Skim Perumahan Mampu Milik oleh Perbadanan PR1MA Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

**KEDUA**; Meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam.

**KETIGA**; Memperkenalkan Sistem Jaringan Keselamatan Sosial (SSN) yang bersepadu dan komprehensif. Satu badan penyelarasan peringkat tertinggi iaitu Majlis Perlindungan Sosial Negara telah ditubuhkan pada

28 Oktober 2016 untuk menyediakan panduan dasar bagi keseluruhan sistem perlindungan sosial, merangka strategi perlindungan sosial negara untuk merealisasikan program perlindungan sosial dan menyelaras pelaksanaan program-program berkaitan. Majlis Perlindungan Sosial Negara dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal serta Kumpulan Kerja bagi meneliti dan memperincikan isu-isu berkaitan perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9964**

**SOALAN:**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian dan sebab kematian dalam"lock-up" balai polis, penjara dan tahanan imigresen dan depot imigresen mengikut perincian kaum dan kewarganegaraan bagi setiap tahun dari 2000 hingga Jun 2017 dan berapa ramai anggota polis telah disabitkan bersalah menyebabkan kematian tersebut .

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan polis atau pihak penguatkuasaan yang lain dan sentiasa mengambil langkah-langkah pembaharuan untuk mengatasi kejadian berkenaan dari terus berulang pada masa hadapan.**

**Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2000 hingga Jun 2017 mengikut pecahan jantina, kaum dan kewarganegaraan adalah seperti berikut:-**

| BIL | TAHUN | P | L | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | WARGANEGARA ASING | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2000 | 1 | 9 | 3 | 4 | 1 | 1 | 1 | 10 |
| 2 | 2001 | 2 | 15 | 5 | 8 | 2 | 0 | 2 | 17 |
| 3 | 2002 | 2 | 16 | 9 | 3 | 5 | 0 | 1 | 18 |
| 4 | 2003 | 0 | 32 | 14 | 6 | 10 | 0 | 2 | 32 |
| 5 | 2004 | 0 | 24 | 14 | 5 | 2 | 1 | 2 | 24 |
| 6 | 2005 | 0 | 18 | 9 | 2 | 4 | 1 | 2 | 18 |
| 7 | 2006 | 2 | 15 | 8 | 2 | 4 | 1 | 2 | 17 |
| 8 | 2007 | 0 | 19 | 9 | 3 | 3 | 2 | 2 | 19 |
| 9 | 2008 | 0 | 12 | 4 | 4 | 1 | 1 | 2 | 12 |
| 10 | 2009 | 0 | 7 | 1 | 2 | 4 | 0 | 0 | 7 |
| 11 | 2010 | 0 | 9 | 5 | 1 | 3 | 0 | 0 | 9 |
| 12 | 2011 | 0 | 17 | 11 | 3 | 1 | 0 | 2 | 17 |
| 13 | 2012 | 2 | 17 | 4 | 4 | 6 | 2 | 3 | 19 |
| 14 | 2013 | 2 | 18 | 3 | 5 | 5 | 0 | 7 | 20 |
| 15 | 2014 | 0 | 18 | 6 | 4 | 6 | 0 | 2 | 18 |
| 16 | 2015 | 0 | 12 | 6 | 1 | 2 | 0 | 3 | 12 |
| 17 | 2016 | 0 | 15 | 6 | 2 | 4 | 0 | 3 | 15 |
| 18 | 2017 | 0 | 8 | 3 | 2 | 2 | 0 | 1 | 8 |
| **JUMLAH** | | **11** | **281** | **120** | **61** | **65** | **9** | **37** | **292** |

**L – Lekaki**
**P – Perempuan**

**Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2000 hingga Jun 2017 mengikut punca kematian adalah seperti berikut:-**

| BIL | PUNCA KEMATIAN | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | HIV | 1 | 2 | 7 | 9 | 8 | 3 | 2 | 2 | 0 | 34 |
| 2 | SAKIT ASMA | 0 | 0 | 3 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| 3 | SAKIT JANTUNG | 1 | 2 | 1 | 0 | 1 | 2 | 0 | 2 | 2 | 11 |
| 4 | LAIN-LAIN PENYAKIT ( USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG ) | 4 | 6 | 4 | 18 | 12 | 8 | 10 | 11 | 8 | 81 |
| 5 | PENDARAHAN DI OTAK | 1 | 2 | 0 | 3 | 1 | 1 | 3 | 3 | 0 | 14 |
| 6 | GANTUNG DIRI | 3 | 5 | 2 | 1 | 1 | 4 | 2 | 1 | 2 | 21 |
| 7 | GADUH SESAMA OKT | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 8 | DICEDERAKAN POLIS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | | 10 | 17 | 18 | 32 | 24 | 18 | 17 | 19 | 12 | 167 |

| BIL | PUNCA KEMATIAN | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | HIV | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 2 | SAKIT ASMA | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 3 |
| 3 | SAKIT JANTUNG | 0 | 3 | 1 | 2 | 1 | 2 | 1 | 2 | 1 | 13 |
| 4 | LAIN-LAIN PENYAKIT ( USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG ) | 3 | 5 | 15 | 13 | 15 | 15 | 10 | 9 | 7 | 92 |
| 5 | PENDARAHAN DI OTAK | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 2 |
| 6 | GANTUNG DIRI | 2 | 1 | 1 | 4 | 2 | 0 | 0 | 1 | 0 | 11 |
| 7 | GADUH SESAMA OKT | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | DICEDERAKAN POLIS | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| JUMLAH | | 7 | 9 | 17 | 19 | 20 | 18 | 12 | 15 | 8 | 125 |

**Nota: Punca kematian bagi tahun 2017 adalah berdasarkan kepada laporan Post Mortem**

Dari tahun 2000 hingga 2017, seramai 15 orang pegawai polis telah didakwa di mahkamah atau telah diambil tindakan tatatertib atas sebab kecuaian atau menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian kepada tahanan.

Bagi kes-kes kematian dalam Penjara Malaysia pula, statistik kematian banduan dari tahun 2010 hingga Julai 2017 menunjukkan seramai 1,808 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa penghuni berkenaan menerima rawatan lanjut akibat masalah penyakit seperti HIV, kanser, serta penyakit-penyakit berkaitan jantung, darah, paru-paru, tibi dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,121 orang terdiri daripada kaum Melayu, 254 orang kaum Cina, 202 orang kaum India, 32 orang lain-lain bangsa dan 199 orang warganegara asing.

Berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, kesemua kematian tersebut telah dilaporkan kepada PDRM dan Koroner, lawatan Koroner dan bedah siasat. Siasatan secara dalaman juga dilaksanakan oleh pihak Penjara. Keluarga atau waris atau kedutaan asing (bagi kematian melibatkan rakyat asing) turut dimaklumkan tentang kematian banduan.

**SOALAN NO: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN : 25**

**PR-1352-L02413**

**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-

(a) Tahap kelajuan Internet di hotel-hotel Pulau Langkawi; dan

(b) Apakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan satu nilai kelajuan minima bagi hotel-hotel bertaraf 3, 4, 5 atau 6 bintang di pulau ini bagi meningkatkan lagi sektor pelancongan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap kelajuan Internet adalah bergantung kepada teknologi yang tersedia di setiap kawasan. Pihak Kerajaan tidak menetapkan sebarang kelajuan Internet bagi mana-mana lokasi komersial seperti hotel-hotel atau tempat pelancongan.

**SOALAN NO: 25**

Di Langkawi, pelbagai inisiatif penambahbaikan jalur lebar telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menyokong industri pelancongan negara. Antara lainnya ialah projek HSBB yang disediakan di sekitar Bandar Kuah yang mampu memberi kelajuan sehingga 100 Mbps. Bagi sebahagian kawasan lain seperti Kampung Padang Lalang, capaian sehingga 20Mbps telah disediakan di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar. Kedua-dua projek ini telah melibatkan pemasangan gentian optik secara menyeluruh di Langkawi.

Selain itu, terdapat 10 menara komunikasi yang telah dibina dan beroperasi dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih sehingga 4G di kawasan-kawasan utama di Langkawi yang mempunyai purata kelajuan sebanyak 20Mbps.

Sehubungan itu, infrastruktur jalur lebar termasuk rangkaian gentian optik yang mampu memberi kelajuan Internet yang tinggi telah pun tersedia secara menyeluruh di Langkawi yang meliputi sebahagian besar hotel-hotel bertaraf 3, 4, 5 atau 6 bintang.

Dalam hal ini, kelajuan Internet adalah bergantung kepada pakej jalur lebar yang dilanggan oleh pihak hotel yang berkaitan di mana pihak hotel seharusnya melanggan pakej jalur lebar yang tinggi bersesuaian dengan kapasiti pengunjung di hotel masing-masing bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar yang memuaskan dan sekaligus dapat menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan di Langkawi.

Selain itu, kelajuan minima perkhidmatan jalur lebar di hotel-hotel juga boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri sebagai salah satu syarat kelulusan permohonan kebenaran permit beroperasi.

**SOALAN NO. 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat penuh tentang bantahan terhadap pendaftaran pengundi baru dari tahun 2013 ke 2017. Nyatakan pecahan bantahan mengikut kaum dan menurut kawasan Parlimen dan DUN.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bantahan terhadap pendaftaran baru dari tahun 2013 hingga Mac 2017 adalah sebanyak 23,451 bantahan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menyediakan perincian sebagai mana yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 27**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **Lisan**

**DARIPADA** : **Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ]**

**TARIKH** : **26 Julai 2017**

**SOALAN** : **(Dr. Ismail Bin Daut) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

tanah sawah telah tergadai untuk apakah nasib pesawah yang telah kehilangan sumber pendapatan mereka apabila pelaksanaan projek pelbagai sektor.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Buat masa ini tiada skim yang khusus untuk membantu pesawah yang kehilangan sumber pendapatan apabila tanah sawah dibangunkan untuk pelaksanaan pembangunan sektor lain. Namun demikian, pesawah yang dikategorikan sebagai miskin dibantu oleh Kerajaan di bawah program lain antaranya disenaraikan di bawah Program eKasih yang melayakkan mereka mendapat bantuan-bantuan yang bersesuaian contohnya BRIM.

**SOALAN NO. 28**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan Wakil Rakyat bagi setiap kawasan Parlimen di negeri Perak dari tahun 2013 hingga 2017. Senaraikan jumlah peruntukan wakil rakyat yang dikendali oleh penyelaras-penyelaras Kerajaan di setiap kawasan Parlimen yang dimenangi oleh pihak pembangkang dari tahun 2013 hingga 2017.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri menyediakan peruntukan untuk setiap kawasan Parlimen dengan kadar RM 300,000 sehingga RM1.5 juta. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ianya diurus dan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [ LUBOK ANTU ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | **29** |

**YB Datuk William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

Apa sebab pelaksanaan pembinaan klinik baru kesihatan di daerah Lubuk Antu tidak dapat dimulakan walaupun tapak sudah pun disediakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perancangan pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru telah pun diluluskan untuk dimulakan pada tahun 2015 (*Rolling Plan* (dengan izin) Ke-4 / Rancangan Malaysia Ke-10) dengan skop projek Klinik Kesihatan Jenis 4 (KK4). Projek ini sedang dalam peringkat perincian rekabentuk oleh juruperunding yang dilantik pihak agensi pelaksana (JKR Sarawak). Proses tender dijangka dapat dilaksanakan pada September 2017 setelah pembangunan pelan rekabentuk disiapkan. Kerja-kerja pembinaan di tapak dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun ini.

Untuk makluman, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) Lubok Antu, Sri Aman telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2015. Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kos Projek | : | RM35,000,000.00 |
| Skop Projek | : | 1) Bangunan baru Klinik Kesihatan Jenis 4;<br>2) Kuarters: 2D, 4F dan 4G<br>3) Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan (Group 3 & 4) |
| Kaedah Pelaksanaan | : | Konvensional Perunding |
| Kaedah Perolehan | : | Tender Terbuka |
| Status Pelaksanaan Projek | : | 1) Proses memuktamadkan rekabentuk telah selesai pada Jun 2017.<br>2) Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Oktober 2017 dan dijangka siap pada Ogos 2020. |

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

**Soalan No: 30**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di Perak yang tidak ada Pengetua dan berapa lagi SMJK yang akan kekosongan jawatan Pengetua dalam 5 tahun akan datang. Nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pengetua di SMJK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan keperluan pengisian semua jawatan termasuk kekosongan pengetua/guru besar di sekolah. Sehingga 31 Disember 2017, dijangkakan terdapat sembilan kekosongan jawatan Pengetua di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) (*Conforming School)* di Negeri Perak, manakala berdasarkan unjuran lima (5) tahun SMJK di Negeri Perak akan kekosongan lima (5) jawatan pengetua.

Untuk mengatasi masalah kekosongan pengetua/guru besar di semua sekolah termasuk di SMJK, pihak KPM dan semua JPN telah dan sentiasa mengambil langkah tertentu termasuk menyediakan unjuran kekosongan pengetua/guru besar bagi tempoh tiga tahun. KPM sentiasa mengemaskini unjuran kekosongan pengetua/guru besar dari masa ke masa kerana kekosongan boleh berlaku berikutan penyandang sedia ada meninggal dunia/bersara pilihan selain daripada bersara wajib.

Bagi urusan pelantikan pengetua/guru besar di SMJK, KPM turut mengadakan perbincangan dengan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bagi mengenal pasti calon pengetua/guru besar di SMJK. Perbincangan tersebut diadakan lebih awal sekurang-kurangnya enam bulan sebelum kekosongan berlaku.

RJM27

**SOALAN ( 31 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| TARIKH | : | 26 JULAI 2017<br>[ RABU ] |
| DARIPADA | : | TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI<br>[PANDAN] |
| SOALAN | : | |

**YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan menganjurkan semua program TN50 setakat ini termasuk kos menganjurkan dialog (setiap satu), kos pengiklanan dan semua kos-kos lain.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai bentuk aktiviti telah diadakan dalam memastikan aspirasi rakyat dapat dikumpulkan dan pendekatan *bottom up* bagi pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 berlaku dengan jayanya. Namun kerajaan turut mengambil pendekatan perbelanjaan berhemah dalam memastikan tiada pembaziran dalam pelaksanaan setiap aktiviti dan objektif aktiviti yang dilaksanakan tercapai. Sebagai contoh, kerajaan memutuskan supaya kementerian dan agensi menggunakan peruntukan sedia ada yang telah dirancang dalam anggaran belanjawan tahunan tahun 2017 untuk pelaksanaan aktiviti termasuk aktiviti TN50. Ini kerana kementerian dan agensi telah disaran untuk menyuntik elemen TN50 dalam aktiviti sedia ada dalam perancangan bersama kumpulan sasar masing-masing.

Secara tidak langsung, kerajaan boleh melakukan *engagement* dengan semua segmen rakyat bersesuaian dengan fungsi setiap kementerian dan agensi. Ini juga membolehkan pelan pelaksanaan penyampaian

perkhidmatan kepada rakyat kelak memenuhi aspirasi rakyat secara menyeluruh.

Oleh itu, bagi memastikan momentum dan penerimaan baik rakyat Malaysia terutama golongan belia terhadap agenda Transformasi Nasional 2050 berterusan, Kerajaan akan terus melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun ini. Sehingga ini KBS telah dan akan melaksanakan jalinan kerjasama strategik dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) seperti jabatan dan agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), pertubuhan-pertubuhan badan bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta dan sukarelawan bagi memastikan rakyat terutamanya golongan belia menghayati objektif pelaksanaan Program TN50 ini.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM** |
| | | **[ KUALA SELANGOR – BN UMNO ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | **32** |

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian bagi menghadapi serangan virus siber terkini iaitu dikenali 'GoldenEye' atau 'Petya' yang telah menjejaskan operasi syarikat minyak terbesar di Rusia, bank di Ukraine dan firma multinasional di Eropah serta New York.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman dan serangan siber melalui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP). Pelan ini yang dibangunkan berdasarkan kepada rangka kerja pengurusan risiko menggariskan strategi bagi mengurangkan kesan serangan siber dan tindakbalas yang perlu dilaksanakan oleh agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII) yang terdiri daripada agensi awam dan swasta. Pelan ini telah diterjemahkan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 24: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Siber Negara serta Prosedur Tindakbalas Komunikasi dan Penyelarasan Krisis Siber Negara.

Salah satu aktiviti utama yang digariskan di bawah Arahan MKN No. 24 adalah pelaksanaan Latih Amal Krisis Siber Negara (X-Maya) yang bertujuan untuk menguji keberkesanan prosedur dan membiasakan

(*familiarize*) agensi CNII dengan mekanisme pengendalian insiden siber serta meningkatkan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber. Latih Amal Krisis Siber Negara ke-6 (X-Maya 6) yang telah diadakan pada 7 – 9 Mac 2017 yang lalu turut menggunakan simulasi insiden serangan siber 'ransomware' untuk diuji kepada 92 agensi CNII yang menyertai latih amal tersebut.

Pusat Kawalan dan Penyelarasan Siber Negara (National Cyber Coordination and Command Centre – NC4) di bawah Majlis Keselamatan Negara telah dan masih terus melaksanakan pemantauan kepada situasi ancaman serangan siber *NotPetya Ransomware* yang melanda beberapa buah negara baru-baru ini terutama di Eropah. NC4 telah mengedarkan nota peringatan (*advisory notes*) kepada agensi-agensi CNII supaya mengambil langkah-langkah perlindungan dan pencegahan bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman serangan siber ini. Pada masa ini tiada sebarang insiden yang dikesan atau dilaporkan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **BAGI JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (RABU)** |
| **SOALAN** | : | **33** |

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) terus membiarkan pihak Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) mengizinkan MBI, iaitu satu syarikat "Money Games" haram yang sedang disiasat-kawal oleh Pihak-Pihak Berkuasa termasuk PDRM, untuk memasang papan iklan raksasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Apakah isyarat MAHB kepada orang awam sebenarnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bertanggungjawab untuk mengawal selia perkara-perkara berhubung aspek-aspek ekonomi industri penerbangan awam. Dalam hubungan ini, MAVCOM tidak mengawalselia aktiviti pemasangan papan iklan di lapangan terbang dan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap syarikat berhubung pemasangan papan tanda iklan.

Buat masa ini, pihak MAHB telah memasuki satu perjanjian konsesi bersama syarikat Ivory Properties (selaku rakan promosi dengan MBI International) berhubung pemasangan papan tanda iklan MBI International. Memandangkan syarikat MAHB merupakan sebuah GLC yang juga merupakan sebuah syarikat awam yang tersenarai dalam Bursa Malaysia, MAHB tidak mendapatkan sebarang pandangan atau kelulusan daripada pihak Kementerian Pengangkutan sebelum memasuki apa-apa jenis perjanjian komersil dengan pihak ketiga berhubung dengan kontrak pengiklanan di lapangan terbang termasuk iklan MBI di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Dalam hubungan ini, pihak MAHB terikat dengan terma-terma kontrak dan tidak boleh menamatkan konsesi tersebut tanpa berlaku sebarang pelanggaran syarat kontrak. Sekiranya Mahkamah telah mensabitkan syarikat MBI dengan sebarang kesalahan di bawah mana undang-undang di Malaysia, pihak MAHB akan mengambil tindakan serta merta seperti

menurunkan iklan-iklan tersebut. Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutkan juga telah memberi peringatan kepada MAHB agar lebih berhati-hati dan membuat analisa yang menyeluruh sebelum memasuki apa-apa jenis perjanjian komersil pada masa hadapan.

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9962**

**SOALAN:**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

**(a) Apakah status terkini Laporan Polis No:Jalan Chambell/004978/17; dan**

**(b) Mengapakah anggota polis yang disyaki merogol pelajar yang berumur 15 tahun pada 2 April 2017 tidak dikenakan sebarang tindakan oleh pihak polis tetapi masih dibenarkan terus bertugas.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), PDRM telah menerima satu laporan berkait Jalan Champbell Repot 04978/17 dan kes ini telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan. Kes ini masih dalam peringkat penyiasatan dan PDRM masih menunggu laporan dari Jabatan Kimia dan Jabatan Forensik untuk melengkapkan siasatan. Kertas siasatan akan diedarkan kepada Timbalan Pendakwaraya sebaik sahaja semua keterangan diperolehi untuk arahan selanjutnya.**

**Bagi menjawab soalan (b), anggota yang disyaki terlibat dalam kes ini telah ditukarkan dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban sebagai anggota pengawal pengiring. Tindakan untuk "tahan kerja" kepada anggota berkenaan hanya akan diambil sekiranya beliau dituduh di mahkamah atas kesalahan tersebut. Dalam proses siasatan tersebut, anggota berkenaan masih boleh menjalankan tugas hakiki beliau sehingga keputusan kes diputuskan oleh Peguam Negara.**

**SOALAN NO: 35**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **Lisan**

**DARIPADA** : **Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali**
**[ Sipitang ]**

**TARIKH** : **26 Julai 2017 (Rabu)**

**SOALAN** : **Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

kualiti beras yang diimport untuk pasaran tempatan dan adakah ia melalui pemeriksaan kualiti sebelum diedar kepada pemborong dan pengilang, dan apakah langkah diambil bagi memastikan 'tiada beras plastik' dalam pasaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Semua beras yang diimport ke dalam negara perlu melalui proses pemeriksaan kualiti yang rapi iaitu:

i. Pemeriksaan dan pengesahan kualiti bijirin mengikut piawaian yang ditetapkan bermula daripada beras dikeluarkan di kilang negara pengeksport sebelum dimuat naik ke kapal;

ii. Pemeriksaan Kawalan Kualiti apabila bekalan beras sampai ke pelabuhan negara; dan

iii. Beras yang sudah diperiksa dan dianalisis kemudiannya ditauliahkan Sijil Pengesahan Kualiti dan Spesifikasi sebagai jaminan sebelum ia dikampit semula oleh pemborong tempatan dan seterusnya dipasarkan di pasaran tempatan.

Sehingga kini tiada beras plastik dalam pasaran. Kementerian bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia bagi memastikan tiada kandungan plastik atau bendasing, dan beras disahkan sebagai tulen.

**SOALAN NO. 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **YANG BERHORMAT YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH :** **26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah pelajar yang memperoleh keputusan 9A+ dalam SPM diberi biasiswa Kerajaan di bawah program Penajaan 9A+, manakala pelajar yang dapat 7A boleh diberi biasiswa untuk belajar di luar negara di bawah program JKPJ. Apakah rasional syarat penerimaan biasiswa yang berbeza ini.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengguna pakai Model Baharu Penajaan yang berteraskan merit dan inklusiviti, fokus kepada kumpulan B40, M40 serta Pendidikan Teknikal, Vokasional dan Latihan (TVET).

Bagi tahun 2017, Kerajaan bersetuju penajaan ditawarkan kepada pelajar cemerlang yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 di bawah Program Penajaan 9A+. Penajaan ini merupakan inisiatif Kerajaan bagi mengiktiraf kecemerlangan akademik pelajar sekaligus menyokong hasrat kerajaan dalam memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi di dalam Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penajaan ini ditawarkan secara automatik kepada pelajar berdasarkan kepada merit akademik semata-mata tanpa pelajar perlu melalui sebarang proses pemilihan seperti temuduga dan sebagainya. Pelajar bebas memilih bidang pengajian yang akan diikuti berdasar minat dan kecenderungan pelajar dan pelajar juga bebas memilih institusi pengajian sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara.

Di bawah program ini pelajar akan ditaja daripada peringkat persediaan sehingga peringkat Ijazah Pertama di institusi berkenaan. Bilangan pelajar yang ditaja di bawah program ini adalah seramai 461 orang berdasarkan jumlah pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 9A+ dalam peperiksaan SPM 2016.

Penajaan JPA bagi Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) bagi tahun 2017 disediakan sebanyak 200 tempat yang merupakan penajaan kepada pelajar lepasan SPM 2016 bagi mengikuti pengajian peringkat persediaan dan Ijazah Pertama dalam bidang kejuruteraan di negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman. Pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 7A dalam SPM 2016 bagi mata pelajaran yang ditetapkan layak memohon penajaan ini.

Penajaan ini tidak ditawarkan secara automatik sebaliknya pelajar perlu melalui proses pemilihan yang ditetapkan oleh JPA yang merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Tapisan *Student Assessment Centre* (SAC);

ii. Temuduga;

iii. Pencapaian akademik;

iv. Pemarkahan kokurikulum; dan

v. Kedudukan sosio-ekonomi keluarga pelajar.

Di bawah program ini, pelajar hanya boleh mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan di universiti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Penilaian menyeluruh ini dibuat untuk membolehkan pihak Kerajaan menghantar pelajar yang sesuai bagi memenuhi keperluan pengajian di negara berkenaan.

Walaubagaimanapun, pelajar-pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 9A+ dalam peperiksaan SPM juga boleh memohon penajaan JPA bagi program khas JKPJ.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**

**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK DR EWON BIN EBIN [ RANAU ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (Rabu)** |

**Datuk Dr Ewon Bin Ebin [ RANAU ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) setakat ini, berapakah kerugian yang ditanggung oleh FELDA khususnya melalui FGV (Felda Global Ventures) sejak krisis kepimpinan syarikat FGV bermula dan apakah tindakan yang telah diambil bagi memulihkan syarikat FGV ; dan

(b) berapakah jumlah pemegang saham dan jumlah harga pegangan saham dari negeri Sabah serta jumlah kerugian yang mereka tanggung.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Felda tidak mengalami kerugian sepanjang krisis yang dialami seperti didakawa. Krisis yang berlaku adalah bersifat dalaman dan pelan pemulihannya telah dirangka dengan komprehensif.

Mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas.

Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry* – DI) dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Setakat ini, Kerajaan melihat tiada keperluan untuk melantik firma audit bebas atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab pertanyaan mengenai pegangan saham oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam FGV, berikut adalah nilai pegangan melalui anak syarikat Kerajaan Negeri Sabah setakat 30 Jun 2017:

| Pemegang saham | Pegangan | % |
|---|---|---|
| Maybank Nominees (Tempatan) SDN BHD<br>Pledged Sec. Account for Sawit Kinabalu SDN BHD | 89,010,989 | 2.44 |
| UOB Kay Hian Nominees (Tempatan) SDN BHD<br>SDB Asset Management SDN BHD for Chief Minister State of Sabah | 65,934,066 | 1.81 |
| UOB Kay Hian Nominees (Tempatan) SDN BHD<br>SDB Asset Management SDN BHD for Ekuiti Yakin Jaya SDN BHD | 20,869,113 | 0.57 |
| **JUMLAH** | **175,814,168** | **4.82** |

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN : 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK)** |
| **TARIKH JAWAPAN** | : | **26 JULAI 2017** |

**SOALAN**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah pinjaman keseluruhan terkini yang dipohon kepada Perbadanan Aset Air Berhad oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai pengambilalihan ekuiti SPLASH dan sebarang persetujuan oleh Kerajaan Persekutuan dengan permohonan pembiayaan 100%.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan masih belum menerima apa-apa permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Selangor mengenai jumlah pinjaman bagi membiayai pengambilalihan ekuiti Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH). Ingin dimaklumkan juga bahawa proses pengambilalihan SPLASH masih dalam peringkat rundingan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan pihak syarikat. Mengikut Perjanjian Utama yang ditandatangani pada 12 September 2014, proses pengambilalihan SPLASH sepatutnya dimuktamadkan pada 7 Oktober 2016. Pelanjutan kali pertama telah dibuat bagi tempoh 6 bulan iaitu sehingga 6 April 2017 dengan persetujuan pihak-pihak kepada Perjanjian. Walau bagaimanapun, memandangkan proses rundingan pengambilalihan SPLASH tidak dapat dimuktamadkan pada tarikh tersebut, pelanjutan kali kedua telah dipersetujui untuk tempoh 6 bulan lagi, iaitu sehingga 5 Oktober 2017 atau tempoh yang lebih awal sebagaimana dipersetujui oleh pihak-pihak kepada Perjanjian.

Sekian, terima kasih

**********

**SOALAN NO. 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah persatuan-persatuan yang telah berjaya memohon menjadi penolong pendaftar pemilih di Malaysia dan senaraikan mengikut negeri. Apakah status pemohonan Persatuan Persaudaraan Zon Tengah Sarawak. Adakah ahli Parlimen boleh memohon menjadi penolong pendaftar pemilih.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melantik seramai 252 orang Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Pertubuhan) di seluruh negara dalam usaha untuk membantu SPR bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat sehingga 21 Julai 2017, SPR belum menerima permohonan daripada Persatuan Persaudaraan Zon Tengah Sarawak untuk melantik ahlinya sebagai Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Pertubuhan).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kelayakan untuk menjadi Penolong Pendaftar Pemilih adalah seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Telah mencapai umur 21 tahun;

(c) Telah mendaftar sebagai pemilih;

(d) Boleh membaca, menulis serta fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia;

(e) Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; dan

(f) Tidak pernah dibatalkan pelantikannya sebagai Penolong Pendaftar Pemilih oleh mana-mana Pendaftar Pemilih Negeri kerana melanggar apa-apa syarat pelantikan yang ditentukan oleh SPR.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN BIN MALEK**
**[ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan bersama atau berkongsi kepakaran dengan Kerajaan negara lain seperti Kemboja dalam urusan pemuliharaan tapak warisan dunia di negara kita seperti yang dilaksanakan di Angkor Wat oleh APSARA National Authority. Ini bagi memastikan tapak-tapak sejarah di Malaysia seperti di Lembah Bujang mendapat pengiktirafan dan pemuliharaan yang sewajarnya.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) masih belum mengadakan apa-apa program perkongsian kepakaran yang khusus dengan pihak negara Kemboja. Walau bagaimanapun, JWN tiada halangan untuk berkongsi kepakaran atau pengalaman pada masa-masa yang akan datang.

Namun begitu, JWN sentiasa merujuk serta mendapatkan khidmat nasihat dengan pihak antarabangsa seperti *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) dan badan-badan penasihat yang berkaitan seperti *International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property* (ICCROM), *International Council on Monuments and Sites* (ICOMOS), *International Union for Conservation of Nature* (IIUCN), *World Heritage Center* dan lain-lain lagi bagi mendapat serta mengekalkan pengiktirafan sebagai Warisan Dunia untuk tapak-tapak warisan di Malaysia.

Selain itu, JWN juga telah melaksanakan perkongsian ilmu dan pengalaman berkaitan teknik pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dengan pakar-pakar dalam bidang berkaitan dari negara luar termasuk melalui penganjuran *UNESCO Workshop for the Cultural World Heritage Property in the East and Southeast Asia* pada tahun 2005; Seminar *Asia*

*Europe Cultural Minister Meeting (ASEM)* pada tahun 2009; *Seminar Networking of East Asia Cultural Heritage (NEACH)* pada tahun 2009 *dan International Heritage Conservation Seminar (IHCS)* pada tahun lepas. Sementara itu, satu persidangan yang dikenali sebagai *The 1st International Conference on Islamic Architectural Heritage 2017* akan diadakan pada 21 dan 22 Ogos 2017. Perkongsian ilmu sebegini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan peruntukan sedia ada di peringkat Jabatan dan Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN :41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apakah anggaran kutipan tahunan cukai pelancongan yang dilaksanakan Kementerian baru-baru ini dan cara pengagihan wang ini dan syarat untuk penggunaannya; dan

(b) apakah tujuan utama untuk melaksanakan cukai pelancongan ini berikutan terdapat beberapa negeri yang menentang perlaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Cukai Pelancongan 2017 telah diwartakan pada 21 Jun 2017. Berdasarkan anggaran hasil, dijangka sejumlah lebih kurang RM200 juta setahun hasil cukai pelancongan akan dapat dikutip. Hasil kutipan cukai ini akan disalurkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam tempoh bercukai yang telah ditetapkan selaras dengan seksyen 7 dan seksyen 18 Akta Cukai Pelancongan 2017. Kutipan hasil ini seterusnya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

2) Pelaksanaan cukai pelancongan ini adalah bertujuan untuk menjana hasil termasuklah membiayai aktiviti meningkatkan pembangunan insfrastruktur pelancongan serta perkhidmatan yang dapat dimanfaatkan oleh pelancong serta rakyat keseluruhannya. Hasil cukai ini juga dapat membantu Kerajaan dalam mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan kempen pelancongan secara lebih berkesan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia yang berpotensi besar dalam sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi.

**NO SOALAN :42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI (PANDAN)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua perbelanjaan pengiklanan (dalam apa jua bentuk) mengikut kementerian dan projek dari tahun 2014 hingga 2017, dengan perincian kempen yang dikendalikan bagi perbelanjaan pengiklanan yang melebihi RM5 juta setiap projek.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM289.3 juta telah dibelanjakan di bawah Perbelanjaan Mengurus untuk tujuan perkhidmatan pengiklanan di pelbagai Kementerian dari tahun 2014 sehingga bulan Jun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perincian kempen pengiklanan yang dikendalikan oleh setiap Kementerian boleh dirujuk

terus kepada Kementerian masing-masing memandangkan Kerajaan menyediakan Bajet Tahunan secara am kepada setiap Kementerian. Ini adalah selaras dengan konsep pengurusan belanjawan yang diguna pakai iaitu "Let Managers Manage" dan "Authority must match Accountability".

**SOALAN NO. 43**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]**

**TARIKH** : **26 JULAI 2017**

**SOALAN** :

**YB Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan dengan kerugian FOREX sebanyak USD 10 bilion yang berlaku 25 tahun lepas akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kerugian Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1980-an dan 1990-an.

YBhg Tan Sri Mohd Sidek Hassan telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Siasatan Diraja dan diberi tempoh tiga bulan mulai tarikh kuat kuasa penubuhannya bagi menyelesaikan penyiasatan dan seterusnya menyembahkan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA**
**[KETEREH – BN]**

**TARIKH** : **26 JULAI 2017 ( RABU )**

**SOALAN NO. 44**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyerahkan pelaksanaan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) kepada FAM dan apakah pencapaian pelan berkenaan setakat ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN)** telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 April 2014 dan ia telah diangkat statusnya sebagai Projek Nasional bagi menjamin komitmen jangka panjang kerajaan. PPBN mempunyai 3 pemegang taruh utama iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Keputusan yang melibatkan dasar dan memerlukan tindakan pelbagai agensi akan dibincang di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara yang diwakili juga oleh KPM dan FAM serta dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan.

2. Manakala, di peringkat pengurusan program, wakil PPBN juga berada di dalam Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan Belia FAM bagi memutuskan perkara-perkara teknikal bola sepak dan urusan pasukan remaja kebangsaan. PPBN sentiasa memberikan laporan status kepada FAM supaya inisiatif pembangunan bola sepak di Malaysia selari dengan keperluan FAM sebagai *'governing body'*. Di peringkat negeri pula, PPBN bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Negeri dan kelab-kelab yang juga ahli gabungan FAM. Kaedah kerjasama di peringkat kebangsaan dan negeri yang digunapakai setakat ini adalah efektif dan menepati matlamat PPBN

maka tiada perancangan untuk mengubah mekanisma perlaksanaan tersebut.

3. Semenjak daripada pelancaran PPBN pada April 2014 sehingga kini, PPBN telah melatih hampir 23 ribu orang pelatih terbaik di seluruh negara di peringkat umur 7 sehingga 17 tahun. Kita juga mempunyai piramid pembangunan yang lengkap bagi menyalurkan di antara 1,000 ke 1,500 orang pemain yang berpotensi mengikat kontrak dengan kelab-kelab profesional dalam dan luar negara setiap tahun.

4. PPBN kini mempunyai lebih 1,000 orang jurulatih sepenuh dan separuh masa di seluruh Negara dan menjalankan sirkit-sirkit Liga Remaja di setiap peringkat umur bermula dari 7 hingga 17 tahun. Dengan adanya pertandingan sepanjang tahun, maka pengenalpastian bakat dapat dijalankan dengan teratur bagi mengenalpasti bakat-bakat remaja terbaik negara untuk ditawarkan sebagai pelatih elit di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) Gambang, Pahang.

5. Pelatih-pelatih elit AMD pula diberi pendedahan latihan dan pertandingan di luar negara setiap tahun bagi meningkatkan prestasi dan keyakinan mereka apabila bersaing dengan yang pemain-pemain terbaik dunia. Dalam masa yang sama, pelatih-pelatih elit ini akan sentiasa berada dalam radar akademi-akademi utama dunia setiap tahun.

6. Sehingga kini, seramai 15 orang pelatih AMD berumur 14 dan 15 tahun telah mendapat tawaran dari kelab-kelab seperti Benfica, West

Ham United, Lyon, Feyenoord, AZ Alkmaar, Tottenham Hotspur dan beberapa kelab-kelab Liga Jepun.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS [BETONG]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 [ RABU ]**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

(a) apakah langkah oleh Kementerian untuk mengukuhkan harga lada hitam yang telah turun merudum baru-baru ini; dan

(b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan *'Sosial Safety Net'* untuk penanam lada hitam di seluruh negara semasa harga lada turun

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016, purata harga lada hitam dan lada putih masing-masing adalah di paras RM26,400 dan RM43,114 se tan, penurunan 7.1% dan 1.5% berbanding RM28,031 dan RM43,784 se tan pada tahun 2015. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, purata harga lada hitam adalah di paras RM19,586 se tan manakala purata harga lada putih berada di paras RM32,082 se tan.

*Trend* penurunan harga lada ini berlaku adalah disebabkan oleh sentimen pasaran lada dunia yang berpunca daripada peningkatan pengeluaran khasnya di negara Vietnam yang menyebabkan harga lada merudum. Bagi mengukuhkan harga lada, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah melaksanakan beberapa program antara lain seperti berikut:

i) Meningkatkan penggunaan lada dalam negara melalui penghasilan produk-produk baharu berasaskan lada seperti *garlic pepper*, *black pepper marinate*, sos lada hitam, biskut perisa lada dan sebagainya dijangka dapat menggalakkan lagi penggunaan lada di Malaysia;

ii) Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang seperti Lada Putih Krim (LPK) dan Lada Berkualiti Eksport (LBE) bagi mendapat pulangan yang lebih baik;

iii) Menjual terus ke pasaran istimewa (*niche market*) seperti Lada Steril (*Mikrokleen*) dan serbuk lada untuk pasaran tertentu yang mementingkan keselamatan dan kualiti makanan serta produk istimewa peringkat ladang seperti Lada Putih Krim (LPK);

iv) Peningkatan R&D dalam industri lada melalui pelbagai produk baru yang berasaskan lada seperti sos lada hitam, minyak wangi lada,

*smoke flavoured seasoning, garlic pepper sauce, black pepper marinade cube* dan sebagainya akan terus dibangunkan; dan

v) Kerjasama dengan negara-negara pengeluar melalui *International Pepper Community* (IPC) dalam menerokai pasaran baru supaya dapat meningkatkan permintaan terhadap lada pada keseluruhannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menyedari hakikat bahawa harga komoditi di pasaran dunia adalah berdasarkan kepada faktor permintaan dan penawaran. Apabila harga menurun, sudah pasti ia akan menjejaskan pendapatan pekebun. Dalam hal ini, MPB telah melaksanakan Skim Sijil Penyimpanan dan Pemilikan Lada (SPPL) bermula pada tahun 1991. Melalui SPPL, pekebun mempunyai opsyen untuk menyimpan lada dengan MPB apabila harga lada jatuh di pasaran. MPB membantu pekebun-pekebun lada dengan menawarkan gudang MPB bagi tujuan penyimpanan lada dan menjualnya apabila harga kembali pulih.

Selain itu, Kementerian sedang dalam tindakan untuk mengenal pasti mekanisme terbaik untuk melaksanakan jaringan keselamatan (*Social Safety Net* Lada) kepada pekebun kecil lada. Satu dana bantuan pekebun kecil bagi komoditi lada akan diwujudkan bagi melaksanakan cadangan *Social Safety Net* ini. Cadangan ini akan di bawa untuk kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat ini.

Kerajaan melalui MPB juga akan terus komited dalam membantu pekebun kecil dengan menyalurkan bantuan dan subsidi sedia ada melalui Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada 2017 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**

**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIM** |
| | | **[ BUKIT KATIL ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 ( ISNIN )** |

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akim [ Bukit Katil ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dapatan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk menangani krisis yang melanda Felda Global Ventures (FGV) serta cadangan penyelesaiannya.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas.

Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry* – DI)

dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA** |
| **KAWASAN** | : | **TASEK GELUGOR** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **NO. SOALAN** | : | **47** |

**SOALAN**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dalam menggalakkan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) melaksanakan sistem e-dagang sebagai usaha untuk meningkatkan inovasi dan mewujudkan ekosistem digital yang inovatif serta berdaya maju merentas sempadan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

MITI dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan SME Corp. Malaysia telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mewujudkan ekosistem digital yang kondusif dan mengalakkan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam sektor eDagang. Antara lain, program ini memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kapasiti PKS bagi menembusi pasaran eksport melalui usahasama dengan platform eDagang terkemuka antarabangsa seperti Alibaba, Facebook dan Google.

Sejak penubuhan Majlis e-Dagang Kebangsaan (NeCC) pada bulan Disember 2015, sebanyak 450 PKS telah mendapat manfaat melalui program eTRADE pada tahun 2016 berbanding 198 syarikat pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 127%. NeCC dianggotai oleh 22 kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dalam agenda eDagang

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 26 Julai 2017, MITI akan melancarkan penubuhan Akademi eDagang yang merupakan usahasama antara SME Corp. dan MDEC. Ia merupakan satu pusat hentian setempat bagi PKS mendapatkan maklumat mengenai kaedah eDagang yang merangkumi modul latihan, pembayaran dalam talian dan logistik.

Selain itu, MITI bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Kewangan (MOF), MDEC dan SME Corp. telah mengadakan sesi *pitching* pada 22 Jun 2017 bertujuan membantu syarikat-syarikat teknologi *start-up* dan *scale-up* tempatan yang berpotensi untuk mendapatkan dana daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) di Malaysia. Ini akan disusuli oleh dua sesi *pitching* pada bulan Julai dan Ogos 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat tempatan, khususnya PKS dalam inisiatif e-dagang, satu Pelan Strategik Hala Tuju eDagang Kebangsaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2016. Di bawah Pelan ini, terdapat 6 teras utama yang telah dikenal pasti.

MITI melalui SME Corp. Malaysia telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan Teras yang pertama iaitu meningkatkan tahap penggunaan eDagang dalam perniagaan bagi PKS. Di bawah Teras ini terdapat 3 aktiviti utama iaitu:

i. melaksanakan program pendedahan berkenaan kepentingan eDagang kepada PKS;
ii. mengadakan program latihan kepada PKS berasaskan modul yang bersesuaian bagi penggunaan eDagang; dan
iii. mengadakan satu portal maklumat bagi eDagang untuk PKS.

Tuan Yang di-Pertua,

SME Corp. Malaysia juga bekerjasama dengan MDEC, MATRADE dan MITI bagi menggalakkan penyertaan PKS dalam "Digital Free Trade Zone" (DFTZ) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Mac 2017 yang lepas.

eDagang merupakan satu proses pembelian dan penjualan yang dibuat secara elektronik. Antara proses yang terlibat adalah pengiklanan, pesanan, penghantaran, pembayaran dan juga khidmat selepas jualan bagi perkhidmatan dan juga barangan.

Industri eDagang dijangka berkembang kepada RM114 bilion menjelang tahun 2020 atau 6.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding RM68 bilion atau 5.9 peratus KDNK pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No: 48**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

(a) jumlah aduan yang diterima terhadap guru-guru yang merotan murid-murid sejak 2010, dan tindakan yang diambil; dan

(b) hasil siasatan terhadap insiden di mana guru-guru di SJKC Puay Chai 2, SJKC Pei Hwa 2, sekolah di Melaka yang telah didakwa merotan murid-murid keterlaluan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Jumlah keseluruhan kes guru-guru yang merotan murid-murid yang dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2010 sehingga Jun 2017 adalah sebanyak 32 kes.

b) KPM telah menjalankan siasatan bagi kes di SJKC Puay Chai 2 dan SJKC Pei Hwa 2. Hasil siasatan mendapati bahawa guru yang didakwa merotan murid telah mengaku atas kesalahan yang dilakukan. Tindakan tegas telah diambil di mana tindakan tatatertib

telah dilakukan oleh pihak JPN kepada guru berkenaan supaya menjadi pengajaran kepada guru-guru lain agar perkara seumpama ini tidak berulang lagi.

Bagi kes di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Alor Gajah, Melaka, pihak polis telah mengambil kenyataan daripada Guru Besar pada 04 Julai 2017, kes masih lagi dalam siasatan pihak polis.

RJM28

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9965**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pengganas yang ditahan dan kemungkinan serangan berlaku di negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ancaman daripada kumpulan militan terutama Daesh di Malaysia ialah realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal. Untuk itu, usaha memerangi kegiatan militan Daesh merupakan matlamat paling utama dan jelas kepada Kerajaan Malaysia.**

**Sehubungan itu, sehingga 30 Jun 2017 seramai 442 orang telah ditahan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan dan keselamatan. Daripada jumlah tersebut, 310 tangkapan membabitkan ahli kumpulan pengganas Daesh dan selebihnya bagi lain-lain kumpulan pengganas.**

**Sejak Februari 2013, PDRM telah berjaya menggagalkan 15 cubaan serangan kumpulan militan Daesh. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan.**

**Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi**

**keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**

**Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.**

**NO SOALAN :50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan menyediakan 'full-fledged ' perkhidmatan bank di Daerah Pitas memandangkan daerah ini semakin berkembang ekonominya dan perlu disokong oleh kewujudan perkhidmatan bank untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna dan peniaga tempatan memandangkan mereka terpaksa ke perkhidmatan terdekat di Kota Marudu hampir 70 kilometer jauhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khusus bagi daerah Pitas di

Sabah, terdapat tujuh ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan satu ejen Agrobank yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar daerah tersebut. Oleh yang demikian, penduduk setempat tidak perlu pergi jauh bagi keperluan perbankan asas mereka. Antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh ejen bank tersebut adalah seperti berikut :

i. Mengambil deposit;
ii. Mengendalikan pengeluaran wang;
iii. Mengendalikan pindahan dana / wang;
iv. Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan;
v. Mengendalikan pembayaran bil; dan
vi. Membuka akaun simpanan (BSN sahaja)

Di daerah Pitas, perkhidmatan ejen bank didapati sangat efektif dalam membantu penduduk setempat untuk membuat transaksi perbankan, yang kebanyakannya terdiri daripada transaksi asas seperti pengambilan deposit dan pengeluaran wang. Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) juga akan terus bekerjasama dengan industri perbankan bagi meluaskan perkhidmatan ejen bank secara berperingkat untuk menambah baik servis yang sedia ada.

Justeru, bank-bank terbabit telah memberi komitmen untuk terus memantau tahap penggunaan perkhidmatan perbankan ejen-ejen bank ini oleh penduduk setempat sebagai justifikasi bagi pembukaan sesebuah cawangan perbankan. Pejabat Wilayah Kota Kinabalu BNM juga akan terus mengadakan sesi penglibatan komuniti dengan penduduk setempat untuk menentukan sama ada penduduk setempat memerlukan perkhidmatan perbankan tambahan.

Selain daripada perkhidmatan ejen bank dan cawangan bank, penduduk Pitas juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan yang mudah daripada rangkaian perbankan di talian yang merangkumi pelbagai transaksi perbankan, termasuk perkhidmatan pembayaran bil serta pinjaman sama ada melalui internet persendirian atau di Pusat Internet 1Malaysia yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **RUJUKAN** | : | **9966** |

**SOALAN:**

**Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha proaktif Kementerian menaik taraf unit kepada Bahagian Anti Keganasan bagi memegang tanggungjawab lebih besar menghalang aktiviti keganasan di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kebanyakan negara telah menubuhkan Jabatan khusus merangkumi aspek pengumpulan maklumat risikan, operasi, pendakwaan, pemulihan dan *community engagement* bagi menangani ancaman keganasan berikutan insiden serangan di World Trade Center (WTC), New York, Amerika Syarikat pada 11 September 2001.**

**Siri ancaman oleh kumpulan pengganas ini memberi cabaran yang besar kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk memastikan keadaan keselamatan negara terus stabil.**

**Kejadian serangan di beberapa buah lokasi di seluruh dunia memerlukan PDRM lebih berwaspada dan mengambil langkah-langkah kawalan keselamatan yang ketat. Sejajar dengan itu, kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk dan perbatasan negara serta kawasan tumpuan umum yang lain akan terus dipertingkatkan.**

**Sehubungan itu, PDRM berusaha gigih untuk meningkatkan lagi jaringan kerjasama dengan pihak keselamatan di seluruh dunia khususnya bagi membantu meningkatkan usaha pengumpulan serta perkongsian maklumat risikan. Penggabungan aspek pengumpulan risikan, operasi, pendakwaan, pemulihan dan *community engagement* adalah penting bagi membolehkan PDRM mengambil tindakan proaktif dan langkah berjaga-jaga untuk menangani ancaman keganasan.**

**Pengalaman yang lepas dalam menangani masalah keselamatan berunsur keganasan seperti Jemaah Islamiah (JI), Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Al-Maunah, Tuhan Harun dan Pengganas Sulu di Lahad Datu membuktikan betapa pentingnya tindakan diambil bagi mencegah sebarang insiden keganasan daripada berlaku. Langkah untuk memperkasa serta menambahbaik Bahagian *Counter-Terrorist* PDRM dalam menangani ancaman keganasan adalah perlu untuk jangka masa panjang memandangkan ancaman keganasan masih berterusan di peringkat domestik dan global.**

**Justeru, cadangan untuk memperkasakan Bahagian *Counter-Terrorist* khusus untuk mendepani ancaman keganasan ialah satu langkah yang wajar dan tepat, bersesuaian dengan trend ancaman keganasan pada masa kini. Setakat ini, kelulusan perjawatan Bahagian *Counter-Terrorist* di peringkat Kontinjen telah memberi kesan yang cukup positif serta berkesan dalam memerangi isu militan Daesh di Malaysia. Namun, kekuatan sedia ada masih belum mencukupi dan Bahagian *Counter-Terrorist* memerlukan pertambahan perjawatan untuk memenuhi keperluan dalam usaha menangani ancaman Daesh yang merupakan isu keselamatan utama negara ketika ini.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN NG WEI AIK**
**[TANJONG - PKR]**

**TARIKH** : **26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN NO.52**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasionalnya Kerajaan-Kerajaan Negeri Pakatan Harapan serta Ahli-Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri daripada Pakatan Harapan tidak dijemput ke larian obor Sukan SEA ke-29 yang diadakan di setiap negeri.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) amat mengalu-alukan penglibatan daripada semua pihak bagi menjayakan Larian Obor Temasya Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017) yang akan berlangsung pada bulan Ogos dan September 2017. KBS juga telah memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang untuk terlibat dalam Larian Obor Kuala Lumpur 2017 melalui permohonan online yang telah dibuka di laman sesawang www.kualalumpur2017.com.my bermula pada 7 hingga 21 April 2017.

2. Dimaklumkan juga bahawa Larian Obor Kuala Lumpur 2017 sedang berlangsung bermula 13 Mei hingga 12 Ogos 2017 di seluruh negara. Tujuan Larian Obor Kuala Lumpur 2017 ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Rakyat Malaysia melibatkan diri dan menyatakan sokongan secara simbolik kepada para atlet yang akan bertanding dan kepada penganjuran Kuala Lumpur 2017 yang disasarkan menjadi temasya terbaik pernah disaksikan dalam sejarah Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Larian Obor Kuala Lumpur 2017 ini adalah acara simbolik yang membawa mesej sukan sebagai sesuatu yang inklusif dan landasan perpaduan untuk masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 53**

**DEWAN RAKYAT**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan kes penderaan pelajar di sekolah tahfiz seluruh negara yang dilaporkan setakat ini serta cadangan untuk mewajibkan sekolah tahfiz untuk berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk Institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang

sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Oleh itu, pemantauan dan penaziran institusi tersebut adalah dibawah kawalan pihak berkuasa negeri berkenaan termasuk hal ehwal murid.

Manakala bagi sekolah aliran tahfiz yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pemantauannya adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian.

Mengenai cadangan mewajibkan pendaftaran sekolah tahfiz, dimaklumkan bahawa Enakmen dan peraturan yang telah ditetapkan oleh negeri-negeri mengkehendaki semua sekolah agama termasuk institusi tahfiz berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri bagi memudahkan urusan pemantauan dan kawalan dijalankan. Isu pendaftaran ini juga menjadi perhatian serius dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang mana antara inisiatifnya adalah menggalakkan pendaftaran sementara bagi membolehkan institusi tahfiz memenuhi syarat pendaftaran rasmi. Kerajaan juga melalui DPTN telah memperuntukkan sebanyak RM10,000.00 bagi insentif pendaftaran institusi tahfiz baru pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 54**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **Lisan**

**DARIPADA** : **Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]**

**TARIKH** : **26 Julai 2017**

**SOALAN** : **Ir. Shaharuddin Bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

adakah Kementerian akan bercadang untuk menyediakan bantuan atau insentif bagi meringankan beban nelayan seperti bantuan enjin, pukat serta kemudahan jeti yang lebih sistematik dan apakah Kementerian sedar pemberian bantuan ini akan meringankan lagi bebanan golongan nelayan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lemabaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sememangnya telah menyediakan pelbagai bantuan dan insentif sama ada dalam bentuk ekonomi dan sosial dalam membantu meringankan beban nelayan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Program pinjaman mudah kepada nelayan bagi pembelian bot dan peralatan baru atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada;

ii. Bantuan infrastruktur dan latihan modal insan melalui program azam tani dan *touch point*;

iii. Pembinaan dan menaiktaraf sebanyak 342 jeti dan 45 kompleks pendaratan ikan di seluruh negara;

iv. Pemberian elaun sara hidup kepada nelayan pada kadar RM250 hingga RM300 sebulan;

v. Penyediaan insentif hasil tangkapan ikan pada kadar RM0.10 hingga RM0.20 sekilogram kepada pemilik vesel yang mendaratkan hasil tangkapan di pusat-pusat pendaratan yang telah ditetapkan;

vi. Pelaksanaan skim subsidi diesel dan petrol nelayan bagi menampung sebahagian kos operasi penangkapan ikan susulan kenaikan harga bahan api;

vii. Pemberian bantuan dan sumbangan segera kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan atau musibah melalui Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan;

viii. Program insurans nelayan bagi membela nasib keluarga nelayan; dan

ix. Pelaksanaan Projek Khas Perumahan Nelayan bagi membantu nelayan memiliki kediaman yang selesa dan selamat.

Melalui maklumbalas positif yang telah diterima melalui pelaksanaan program-program tersebut, Kementerian sememangnya sedar bahawa pelaksanaan bantuan serta insentif yang telah diberikan secara amnya mampu meringankan beban golongan nelayan. Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga sedang menjalankan bancian sosio ekonomi nelayan dan data isi rumah bagi menilai sejauh mana program-program yang telah dilaksanakan memberi impak kepada tahap kesejahteraan sosial nelayan.

**SOALAN NO. 55**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk mengadakan rumah terbuka Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri 2017 di Kompleks Seri Perdana.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri bersama Anggota Kabinet di Seri Perdana pada 25 Jun 2017 merupakan salah satu acara rasmi Kerajaan dan mengguna pakai kelayakan keraian meraikan Tetamu YAB Perdana Menteri sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Keseluruhan perbelanjaan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 16 Jun 2017 serta dikendalikan secara sederhana mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 bertarikh 11 Mac 2016 - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DR LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 ( Rabu )** |

**Dr Lee Boon Chye [ GOPENG ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan Pegangan saham Felda Global Ventures oleh agensi-agensi yang diberi tawaran saham semasa IPO iaitu FELDA, Koperasi Permodalan FELDA, Lembaga Tabung Haji, KWAP, KWSP, PERKESO, Amanah Saham Bumiputera, LTAT, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Terengganu.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah senarai pemegang saham utama FGV semasa penyenaraian IPO pada 2012:

| BIL. | PEMEGANG SAHAM | PEGANGAN TERUS | |
|---|---|---|---|
| | | SAHAM | % |
| 1. | LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) | 729,629,800 | 20 |
| 2. | FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN BHD | 620,185,800 | 17 |
| 3. | LEMBAGA TABUNG HAJI | 265,842,600 | 7.29 |
| 4. | KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) | 230,815,400 | 6.32 |
| 5. | KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD | 24,138,000 | 0.66 |
| 6. | KERAJAAN NEGERI PAHANG | 182,407,575 | 5.00 |
| 7. | KWSP | 200,525,600 | 5.51 |

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID**
**[KOTA TINGGI – BN]**

**TARIKH** : **26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN NO.57**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah aspirasi peserta-peserta belia dialog TN50 dapat mencerminkan gambaran sebenar negara pada tahun 2050.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program TN50 ini telah dicetuskan bagi mengumpul aspirasi rakyat negara ini tentang pembangunan negara yang dihasratkan untuk jangka 30 tahun akan datang. Justeru itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah dipertanggungjawabkan untuk memulakan wacana dengan kumpulan belia hari ini bagi mengumpul hasrat dan aspirasi tersebut. Bagi menilai sejauh mana aspirasi-aspirasi peserta-peserta belia dialog TN50 dapat mencerminkan gambaran sebenar negara pada tahun 2050, ia perlu melalui empat fasa yang telah dirancang seperti berikut:-

   i. **Fasa Pertama - Tema dan aspirasi utama TN50**
   Memahami persepsi serta pandangan belia terhadap tema dan sub-tema TN50.

   ii. **Fasa Kedua - Bidang keutamaan TN50**
   Memperhalusi dan memperjelaskan tema-tema/aspek transformasi utama.

   iii. **Fasa Ketiga - Penzahiran aspirasi yang lebih jelas dan mendalam serta cadangan maklumbalas/tindakan berdasarkan tema**

Membincangkan dengan terperinci aspirasi-aspirasi yang telah diperolehi melalui perbincangan kumpulan pakar. Perbincangan juga akan menjurus kepada cadangan-cadangan kearah merealisasikan aspirasi-aspirasi yang diperolehi.

Sehingga kini sebanyak 7 sub topik telah dikenalpasti dan dibincangkan dengan terperinci oleh Kumpulan Masa Hadapan (*Circle of the Future*). Topik-topik ini adalah seperti berikut:

1. Persekitaran hidup yang sihat, mampan efisyen dan selamat;
2. Gaya hidup yang aktif, bersemangat dan mesra;
3. Ekosistem pembelajaran yang relevan, menyeluruh dan berterusan;
4. Pengaruh utama di pentas dunia;
5. Ekonomi yang berdaya saing dan terkehadapan, dipacu oleh tenaga kerja yang berkembang maju;
6. Model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang; dan
7. Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat.

iv. **Fasa Keempat - Laporan belia TN50 serta pelancaran *pilot* inisiatif**

Menghasilkan laporan daripada dapatan yang diperolehi sepanjang tempoh 2017.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN : 58**

PR-1352-L02040

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peruntukan kepada MYTV Broadcasting Sdn Bhd untuk mengedar 4.2 juta 'decoder' kepada penerima BR1M.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian 4.2 juta *`decoder'* secara percuma kepada penerima BR1M di seluruh negara akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan MYTV Broadcasting Sdn Bhd. ('MYTV'). Kerajaan akan menyediakan sejumlah 2.2 juta *`decoder'* manakala MYTV akan menyediakan sejumlah 2 juta *`decoder'*.

Bagi tujuan ini, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM308 juta bagi pembiayaan 2.2 juta *`decoder'* tersebut manakala MYTV akan

memperuntukkan anggaran sebanyak RM280 juta bagi tujuan pembiayaan 2 juta` *decoder*'.

MYTV telah dilantik oleh Kerajaan sebagai pengedar tunggal `*decoder*' di Malaysia setelah mengambil kira aspek-aspek seperti perkhidmatan dan sokongan selepas jualan, penguatkuasaan terhadap `*decoder*' yang tidak melalui proses pensijilan dan pemerakuan oleh SIRIM serta menaik taraf perkhidmatan TV digital di masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD**
**[ MERSING ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN : 59**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kes penipuan kereta klon yang telah dilaporkan yang mana kebanyakan pembeli kereta klon ini menerima saman atas kesalahan yang tidak dilakukan dan apakah langkah- langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ini.

**JAWAPAN**

Tuan yang di-Pertua,

Setakat ini, sebanyak 3,057 kereta klon telah disita oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di seluruh negara dari 2016 sehingga Julai tahun ini.

Bagi membanteras perkara ini, Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan pendaftaran asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem *Vehicle Entry Permit* (VEP). Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai bulan September 2017 dan fasa 2 untuk sempadan Malaysia-Thailand bermula awal tahun 2018.

Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara. Selain itu, ianya juga dijangka akan dapat mengesan kenderaan-kenderaan yang memasuki Malaysia melebihi had masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat membantu untuk membanteras kegiatan kereta klon.

**NO. SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH**

**TARIKH : 17 Julai 2017**

**RUJUKAN : 9963**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menyatakan sebab Kerajaan kini tidak lagi berniat untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar dari Australia memandangkan pendirian Menteri Dalam Negeri dalam bulan, Mac, 2015 bahawa rundingan proses ekstradisi tersebut dengan Kerajaan Australia akan dimulakan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan belum membuat permintaan ekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar kepada Kerajaan Australia. Permohonan ekstradisi ini perlu dilihat secara menyeluruh dan menyentuh hubungan dua hala dengan Australia. Hal ini kerana ia menyentuh dasar dan undang-undang negara lain yang perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain itu, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul bagi menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia. Mengikut triti ekstradisi, dokumen permohonan ekstradisi perlu menyatakan hukuman yang akan dikenakan ke atas penjenayah tersebut (hukuman mati) yang telah dijatuhkan Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, Australia merupakan salah satu negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati dan tidak diterima oleh masyarakat di sana.**

**Berbeza dengan kebiasaannya kes-kes ekstradisi dimana penjenayah buruan kebiasaannya belum dijatuhkan hukuman lagi. Penjenayah buruan diekstradisi untuk menjalani proses keadilan di Mahkamah di Malaysia.**

**Kerajaan boleh mengemukakan hukuman selain hukuman mati seperti contoh hukuman penjara seumur hidup sekiranya Kerajaan berhasrat mengemukakan permohonan ekstradisi**

**kepada mana-mana negara yang tidak menyokong hukuman mati seperti Australia. Kerajaan tidak mempunyai ruang lagi untuk berunding dengan Australia kerana mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas Sirul. Atas dasar itu, Kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.**

**NO. SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9968**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar dadah adalah musuh negara yang kalau dibiarkan berleluasa akan merosakkan masa depan rakyat. Apakah perkembangan dan hasil terkini usaha-usaha Kerajaan dalam memerangi dadah daripada aspek jenis dadah utama dan terbaru, kumpulan umur terlibat dan bangsa serta apakah langkah-langkah baru atau pelan yang akan Kerajaan ambil untuk menangani isu-isu ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius permasalahan dadah menerusi usaha-usaha pembanterasan secara berterusan. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 2017 telah meluluskan Dasar Dadah Negara sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaratan.**

**Trend penagihan dadah pada tahun 2016 melibatkan dadah jenis opiat, *Amphetamine Type Stimulant* (ATS) dan ganja. Rekod Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendapati bahawa kebanyakan penagih yang dikesan berumur dalam lingkungan 20 hingga 39 tahun.**

**AADK telah melaksanakan Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melibatkan aktiviti:**

a) ***Omnipresence***
b) **Ops Cegah**
c) **Ops Bersepadu / Sarang**
d) **Media**

e) **Ikon Antidadah**

f) ***Community Empowerment***

**PDH menggunakan pendekatan melalui agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan pemintaan dadah. Pendekatan ini dilaksanakan melalui 3 strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan dadah.**

**AADK melaksanakan aktiviti ini secara berfokus dengan mensasarkan sebanyak 178 buah kawasan berisiko tinggi dan sebagai langkah awal pada tahun 2016, sebanyak 14 buah kawasan iaitu sebuah kawasan bagi setiap negeri telah dilaksanakan secara bersepadu dengan beberapa agensi / Kementerian lain. Bagi tahun 2017, sebanyak 50 buah kawasan lagi telah diperluaskan bagi aktiviti ini.**

**Pada masa yang sama, aktiviti lain seperti program-program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dijalankan dengan lebih meluas seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui usahasama atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain.**

**Dari segi penguatkuasaan pula, AADK mempunyai objektif utama dalam memperkasakan penguatkuasaan terhadap permasalahan dadah di seluruh negara berdasarkan strategi dan objektif seperti berikut:**

a) **mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela;**
b) **mengesan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang tidak mematuhi syarat pengawasan di bawah seksyen 6(2) (a)-(f) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 serta mengurus, menyelia dan melaksanakan program OKP dengan lebih berkesan;**
c) **mengambil tindakan ke atas aduan awam yang berkaitan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah; dan**
d) **meningkatkan tahap keselamatan di institusi dan komuniti.**

**NO. SOALAN:62.**

**DEWAN RAKYAT**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kayu ukur maslahah dan keperluan bagi Kerajaan untuk mengutip Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) sepertimana disebutkan dalam Kenyataan Media Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 30 April 2017.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-106 pada 21-22 Oktober 2014 telah pun bersetuju memutuskan pandangan hukum bahawa Islam mengharuskan pemerintah atau Ulil Amri untuk mengutip cukai seperti Cukai Barangan

Dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan oleh kerajaan selagi mana terdapat keperluan dan maslahah untuk negara dan rakyat.

Dari sudut keharusan yang dibenarkan oleh syarak, Jawatankuasa berhujjah bahawa keharusan memungut GST adalah berdasarkan pertimbangan maslahah. Sebagaimana yang didefinisikan oleh Imam alGhazali bahawa masalahah adalah suatu gambaran daripada meraih menafaat atau menghindarkan mudarat, iaitu ke arah memulihara tujuan Syarak (*Maqasid Syariah*)yang meliputi lima perkara, iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Dalam hal ini beliau berkata "Semua yang mengandungi pemuliharaan tujuan syarak yang lima ini adalah al-Maslahah."

Bagimemenuhi tuntutan memelihara agama, Kerajaan perlu mengendalikan pelbagai aspek pengurusanyang berkaitan denganpembinaan serta pengurusan institusi-institusi pendidikan,institusi agama, membenteras penyelewengan agama dan ajaran salah serta mewujudkan atau meminda undang-undang agar perjalanan agama dapat dikawal. Manakala bagi tujuan penjagaan nyawa dan harta pula, antara yang perlu diberi perhatian ialah pembinaan serta meningkatkan infrastuktur-awam seperti hospital, jalanraya, kemudahan pengangkutan awam, memantapkan pertahanan dan keselamatan negara sertamembenteras golongan pelampau yang boleh mengancam keselamatan negara.Bagi memenuhi tuntutan memelihara akal dan keturunan, Kerajaan perlu menyediakan program-program bagi melahirkan masyarakat yang berjiwa sejahtera selain dari memulihkan mereka yang telah rosak akal fikiran.

Kesemua tersebut adalah merupakan maslahah, keperluan dan tanggungjawab bagi membangun ummah dan negara. Jika maslahah umum tersebut tidak boleh terus terlaksana melainkan dengan cara mengutip cukai daripada rakyat, maka kutipan cukai itu boleh diterima sebagai satu kewajipan.

Oleh yang demikian, berdasarkan keharusan yang dibenarkan oleh Syarak serta bertujuan memelihara Maqasid Syariah maka GST diperkenalkan. Ini disebabkan Kerajaan memerlukan sumber pendapatan lain termasuklah cukai-cukai yang perlu bagi memenuhi keperluan perbelanjaan serta menjalankan tadbir urus negara dengan cekap dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN : 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**
**(LIBARAN)**

**TARIKH : 26.07.17**
**(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan langkah Malaysia dalam menangani hubungan pelbagai hala bagi negara Teluk terutama insiden negara Qatar yang dilihat ada situasi ketegangan dan ancaman melalui percaturan yang dilakukan secara terancang oleh pihak yang ingin menguasai geopolitik.



Kemas kini pada:19.7.17

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius bagi mana-mana konflik yang berlaku antara negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Malaysia. Kerajaan mengharapkan penyelesaian segera dan menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan kemelut ini.



Kemas kini pada:19.7.17

**NO SOALAN :64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING (PENAMPANG)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah-jumlah secara terperinci yang telah dibayar sebagai 'CASH PAYMENT' kepada Sabah dan Sarawak daripada tahun 2008 hingga ke tahun 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang disalurkan secara pemberian tunai kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk bayaran Pemberian-Pemberian telah ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang dan keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara. Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sejak tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Pemberian | |
|---|---|---|
| | Sabah (RM) | Sarawak (RM) |
| **2008** | 723,566,768 | 661,513,927 |
| **2009** | 714,155,615 | 733,046,726 |
| **2010** | 798,327,068 | 800,577,233 |
| **2011** | 855,473,596 | 884,357,056 |
| **2012** | 893,062,699 | 930,398,081 |
| **2013** | 996,818,096 | 1,094,536,599 |
| **2014** | 1,051,019,326 | 1,147,630,083 |
| **2015** | 1,098,080,460 | 1,163,043,193 |
| **2016** | 1,086,260,027 | 1,159,277,479 |
| **JUMLAH** | **8,216,763,654** | **8,574,380,378** |

**SOALAN NO: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | **65** |

**YB Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah nilai anggaran ubat-ubatan yang telah dibazirkan sejak 2014 hingga Januari 2017 serta apakah langkah proaktif Kementerian dalam mengatasi masalah pembaziran ubat-ubatan disebabkan kurangnya kefahaman serta pengetahuan mengenai ubat yang diambil di klinik mahupun hospital Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan Program Pemulangan Ubat di semua fasiliti KKM dengan tujuan untuk membantu para pesakit melupuskan ubat-ubatan yang telah luput atau tidak dipakai lagi dengan cara yang betul dan selamat demi menjaga alam sekitar. Antara sebab-sebab yang dikenalpasti menyumbang kepada ubat-ubatan yang luput/ tidak terpakai ini adalah lambakan ubat yang disimpan di rumah, pesakit tidak patuh *(compliant)* kepada rawatan ubat serta kematian pesakit.

Anggaran kos ubat-ubatan yang dipulangkan pesakit untuk dilupuskan adalah sebanyak 0.006% daripada ubat-ubatan yang telah dibekalkan KKM. Antara ubat-ubatan yang sering dipulangkan para pesakit adalah ubat yang digunakan untuk merawat penyakit-penyakit kronik seperti penyakit darah tinggi, kencing manis serta kolestrol tinggi.

Untuk makluman pihak KKM tidak menggunakan semula ubat-ubatan yang telah dipulangkan pesakit setelah ianya dibekalkan kepada pesakit. Ini kerana kualiti ubat-ubatan tersebut tidak dapat dipastikan kerana bergantung kepada keadaan penyimpanan ubat semasa di rumah pesakit. Selain itu juga, pihak *World Health Organization* (WHO) juga menyarankan agar ubat yang telah dipulangkan tidak digunakan untuk pesakit lain memandangkan kualiti dan keberkesanan ubat yang dipulangkan tidak dapat dijamin. Amalan ini juga dipraktiskan di negara luar yang turut melaksanakan program pemulangan ubat ke farmasi seperti Australia dan United Kingdom.

Antara langkah proaktif yang diambil pihak Kementerian dalam mengatasi perkara ini adalah:

i. Menggalakkan pesakit membawa baki ubat sewaktu mengambil ubat. Ubat akan dibekalkan secara *top-up* daripada baki ubat pesakit sedia ada
ii. Merujuk pesakit untuk sesi kaunseling bersama pegawai farmasi bagi mengenalpasti punca pesakit mengambil ubat yang telah dipreskrib sekiranya didapati pesakit mempunyai banyak baki bekalan ubat
iii. Mengadakan Program *Patient's Own Medication* (POMs) bagi pesakit yang dimasukkan wad diminta bawa ubat sedia ada dari rumah. Sekiranya pesakit memerlukan ubat yang sama semasa

di wad, ubat pesakit sendiri akan diguna terlebih dahulu dan bekalan akan ditambah balik mengikut keperluan semasa discaj.

iv. Menghadkan bekalan ubat susulan pesakit untuk tempoh satu bulan.

v. Meningkatkan pendidikan pesakit supaya mereka secara proaktif akan maklumkan kepada doktor ataupun pihak farmasi sekiranya bekalan ubat masih mencukupi ataupun ubat tidak diguna atas sebab-sebab tertentu supaya tindakan yang wajar dapat diambil.

**SOALAN ( 66 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 JULAI 2017
[ RABU ]

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]

SOALAN :

**YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan perbezaan dan ketidakseimbangan pendapatan semasa di negara kita. Apakah impak GST dan pelaksanaan cukai-cukai baru serta kenaikan pelbagai caj perkhidmatan awam yang lain yang memburukkan lagi jurang perbezaan pendapatan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014, keseimbangan pendapatan isi rumah secara keseluruhan didapati telah bertambah baik. Ini dapat dilihat daripada indikator-indikator berikut:

- **Pekali Gini** keseluruhan, yang berasaskan pendapatan kasar isi rumah, telah berkurang daripada 0.441 pada 2009 kepada 0.401 pada 2014. Pengurangan Pekali Gini daripada sebelumnya bermaksud semakin kurang ketidaksamaan pendapatan atau agihan pendapatan menjadi semakin seimbang. Tren yang sama dapat dilihat pada Pekali Gini bagi strata (bandar dan luar bandar) dan secara umum di peringkat negeri;

- **nisbah ketidaksamaan pendapatan** antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20) dan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) menurun daripada 6.9 kali ganda pada tahun 2009 kepada 5.6 kali ganda pada tahun 2014. Tren yang sama juga dapat dilihat di antara kaum-kaum utama

(Melayu, Cina dan India), strata dan secara umum di peringkat negeri; dan

- **syer pendapatan** isi rumah B40 kepada jumlah pendapatan meningkat daripada 14.3% pada tahun 2009 kepada 16.5% pada tahun 2014.

Keseimbangan pendapatan yang lebih baik juga sebenarnya digambarkan melalui insiden kemiskinan mutlak yang semakin mengecil, iaitu daripada 3.8 peratus pada 2009 kepada hanya 0.6 peratus pada 2014.

Merujuk kepada GST, dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menjalankan Kajian Perbelanjaan Isi Rumah yang menyeluruh sebelum pelaksanaan GST bagi meneliti kesannya ke atas segenap lapisan rakyat. Kajian tersebut memberi tumpuan khusus kepada implikasi kos sara hidup bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menetap di luar bandar dan juga di bandar.

Berdasarkan data yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah membuat simulasi. Kajian tersebut menunjukkan mereka yang berpendapatan tinggi yang lazimnya

lebih banyak menggunakan barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar standard 6% menanggung purata kesan tambahan perbelanjaan sara hidup yang lebih besar berbanding mereka yang berpendapatan rendah.

Kesan tambahan tersebut seterusnya dapat dikurangkan lagi setelah dibuat tambahan jenis barang yang dikenakan GST pada kadar sifar (0%). Contohnya, produk petroleum RON 95 dan LPG, semua jenis bahan bacaan, ubat-ubatan yang melibatkan 9,184 jenama serta tambahan beberapa jenis bahan makanan.

Dengan keperihatinan Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu golongan berpendapatan rendah, banyak usaha-usaha telah dijalankan, antaranya BR1M yang telah ditingkatkan jumlahnya bagi meringankan kesan tambahan perbelanjaan sara hidup. Nyatanya, pelaksanaan GST di Malaysia adalah satu langkah yang tepat demi kestabilan ekonomi dan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.
26 Julai 2017

**NO SOALAN : 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI (SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 26.07.17 (RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan hubungan dua hala antara Malaysia dan Qatar selepas isu beberapa negara Arab memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, konflik antara Qatar dengan negara-negara jiran seperti Arab Saudi, Mesir, Bahrain dan UAE yang melanda pada 5 Jun 2017 yang lalu tidak mempunyai kesan secara langsung terhadap hubungan negara-negara tersebut dengan Malaysia.



Kemas kini pada:19.7.17

**NO SOALAN :68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING (STAMPIN)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan sistem pemantauan laporan GST yang sedang diuji oleh KASTAM bersama-sama MYEG BERHAD, apakah ciri-ciri keselamatan yang disediakan (contoh: lokasi server, jenis network yang dipakai, cara simpanan kekunci, cara penyulitan maklumat dan sebagainya) bagi memastikan keselamatan data peribadi syarikat dan adakah ianya mematuhi akta perlindungan maklumat peribadi (PDPA) di mana persetujuan jelas perlu diberi untuk sebarang pengumpulan data peribadi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, GST *Electronic Information*

*System* (EIS) merupakan peranti yang dipasang di setiap *Point of Sales* (POS) *System* termasuk mesin tunai (*cash register*) yang terdapat di premis perniagaan yang mana peranti ini akan merekodkan setiap transaksi jualan dan seterusnya menghantar maklumat tersebut secara atas talian (*online*) kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). EIS ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti berikut:

- Peranti EIS yang dipasang hanya boleh merekod dan menghantar maklumat ke JKDM dan seterusnya maklumat ini akan disimpan di dalam *server* yang ditempatkan di premis JKDM. Hanya pegawai JKDM tertentu sahaja yang boleh mengakses maklumat tersebut bagi tujuan semakan, pengauditan ataupun penyiasatan. Penggunaan kata laluan dan mekanisma *total access control* juga akan digunapakai bagi tujuan kawalan keselamatan maklumat;
- Maklumat yang direkod dan dihantar oleh peranti ke JKDM adalah menggunapakai talian komunikasi yang khusus melalui rangkaian persendirian maya (*Access Point Name*);
- Penyimpanan dan penyulitan data (*data encryption*) adalah dengan menggunakan proses pengekodan (*coding*) maklumat terkini dan dikendalikan sepenuhnya oleh pengawai JKDM yang telah diberi kuasa; dan

- Peranti yang digunakan telah dilengkapi dengan aplikasi sistem dan pengenalan terminal yang selamat dari aktiviti pengklonan dan pendua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang direkod, dihantar dan disimpan di JKDM adalah bagi memenuhi keperluan pihak Kerajaan dan ianya adalah selaras dengan keperluan di bawah Akta Perlindungan Data 2010. Berdasarkan Seksyen 3 akta tersebut, telah dinyatakan bahawa akta tersebut tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini bermakna JKDM tidak perlu mendapat persetujuan dari mana-mana orang bagi tujuan perekodan dan penyimpanan maklumat jualan tersebut. Semua pihak yang menjalankan perniagaan dan berdaftar GST, tidak perlu khuatir akan keselamatan maklumat perniagaan mereka daripada terdedah kepada mana-mana pihak yang tidak sewajarnya. Ini kerana semua maklumat tersebut sentiasa dilindungi dan terjamin dari aspek keselamatan. Disamping itu, Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengemukaan Maklumat) 2014 juga telah diwartakan dan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2017 untuk memastikan pelaksanaan EIS ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

**SOALAN NO.: 69**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN** |
| **KAWASAN** | : | **KENINGAU** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017, RABU** |

**SOALAN:**

**YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah cadangan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di pekan Keningau dengan penambahan jalan alternatif melalui Kampung Baginda Keningau ke Sook dan Kampung Toboh Baru ke Sook yang mana jalan tersebut melibatkan pembinaan dua buah jambatan. Pembinaan ini diharap dapat mengurangkan kesesakan dan boleh membantu penduduk kawasan berkenaan memilih jalan alternatif tersebut bagi menjalankan aktiviti harian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada cadangan pembinaan jalan alternatif melalui Kampung Baginda Keningau ke Sook dan Kampung Toboh Baru ke Sook. Ini kerana ia merupakan Jalan Negeri.

Namun demikian, Kementerian ini telah menyenaraikan cadangan projek pembinaan Jalan Pintas Dua Hala Keningau di dalam Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia ke sebelas (RMK-11) bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Keningau. Projek ini melibatkan pembinaan jalan baharu 4 lorong 2 hala yang bermula di Jalan Keningau – Sook (kawasan Kg. Durok) sehingga ke kawasan Hospital Keningau sepanjang 10 kilometer dan membina 1 buah jambatan sepanjang 20 meter merentasi Sungai Pampang. Kos anggaran adalah sebanyak RM217,300,000.00. Namun begitu, pelaksanaan projek ini bergantung kepada kelulusan daripada agensi pusat kelak.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL**<br>**[ PERMATANG PAUH ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 ( RABU )** |

**Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail [ PERMATANG PAUH ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kewangan Felda Global Ventures (FGV) dan bilakah Kerajaan akan memberi taklimat terus kepada peneroka berkaitan isu kedudukan kewangan FGV serta status penyiasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ke atas mantan Pengerusi Eksekutif Tan Sri Isa Samad, Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Zakaria Arshad dan mereka lain yang turut disiasat.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat terkini mengenai prestasi kewangan FGV telah diumumkan kepada Bursa Malaysia dan media pada 31 Mei 2017 yang lalu.

Secara ringkasnya, FGV mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 15% daripada RM3.76 bilion kepada RM4.32 bilion pada suku pertama 2017 disokong oleh pendapatan lebih tinggi dari Sektor Perladangan, Logistik dan Lain-lain (LO) serta Gula dengan masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 11%, 57% dan 17%.

FGV juga merekodkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM2.47 juta, penambahbaikan sebanyak RM83.5 juta berbanding rugi selepas cukai dan kepentingan minoriti (LATAMI) sebanyak RM81 juta yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu.

Sebagai sebuah syarikat senaraian awam, FGV akan mengumumkan keputusan prestasi kewangannya kepada Bursa Malaysia pada setiap suku tahun. FGV juga sentiasa mengadakan perjumpaan berkala dengan pemegang-pemegang saham untuk menerangkan keadaan sesama dan perancangan masa depan. Perkara sama turut dilakukan dengan peneroka FELDA di mana perjumpaan dengan Ketua-Ketua Peneroka diadakan secara berkala. Setiap tahun juga, meysuarat agung tahunan diadakan bagi memberi ruang kepada pemegang saham bertanya atau menyuarakan pandangan masing-masing kepada FGV.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia(SPRM) masih lagi berjalan.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO. 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 26 / 7 / 2017 [ RABU ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang untuk melindungi kebajikan orang tua terutamanya tindakan undang-undang terhadap ahli keluarga terdekat yang meninggalkan orang tua tanpa jagaan.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan warga emas di Malaysia. Dalam memelihara dan melindungi kebajikan golongan sasar ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan agensi-agensi di bawahnya memberi keutamaan kepada **inisiatif untuk memperkukuhkan nilai-nilai murni dan kekeluargaan di kalangan ahli masyarakat.** Pendekatan ini adalah untuk menerapkan dan memelihara nilai dan budaya ketimuran di mana penjagaan ibu bapa atau warga emas adalah tanggung jawab ahli keluarga dan bukan sekadar peranan yang dijalankan bagi mematuhi peruntukan undang-undang.

Perkara ini adalah selaras dengan strategi ketiga dalam Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (2011-2020) iaitu **Keselamatan dan Perlindungan** yang merupakan strategi untuk menjamin hak dan akses

warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan. Sekiranya warga emas ditinggalkan tanpa jagaan, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh KPWKM bersama kementerian/agensi lain di bawah Pelan Tindakan Warga Emas Negara bagi meningkatkan kesepaduan antara generasi dan meningkatkan kesedaran terhadap isu penuaan di kalangan golongan muda, keluarga dan komuniti. Sebagai contoh seminar kesedaran dan promosi, Sambutan Hari Warga Emas pada setiap bulan Oktober dan program kebajikan pelajar ke pusat jagaan warga emas. Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan Daerah memainkan peranan penting dalam menjalankan advokasi dan mengenal pasti isu-isu / masalah yang memerlukan perhatian di kalangan pemimpin tempatan dan agensi berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun tiada peruntukan undang-undang khusus bagi kes-kes penderaan dan penganiayaan terhadap warga emas, KPWKM berpendapat bahawa perlindungan terhadap warga emas boleh dilakukan dengan memperkukuhkan penguatkuasaan perundangan sedia ada.

Perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan warga emas adalah dijamin di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** dan **Kanun Keseksaan [Akta 574].** Peruntukan di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** merangkumi ahli keluarga termasuk orang dewasa tidak berkeupayaan, dalam konteks ini ialah ibu dan bapa. Pada bulan April 2017, KPWKM telah **mencadangkan supaya Akta Keganasan Rumah Tangga dipinda** dengan bertujuan untuk mempertingkatkan lagi perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan.

Pindaan ini turut mengambil kira kebajikan warga emas. Cadangan pindaan yang melibatkan warga emas adalah **perluasan tafsiran**

**"Keganasan Rumah Tangga"** yang turut merangkumi perkara berikut iaitu **"dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan"**. Perluasan tafsiran ini adalah mengambil kira kes yang melibatkan warga emas terutamanya perkara berkaitan pengurusan harta warga emas.

Kesimpulannya, KPWKM berpendapat bahawa penggubalan akta khusus untuk melindungi kebajikan warga emas adalah satu cadangan yang baik untuk jangka masa panjang dengan isu penuaan yang akan menjadi semakin mencabar. KPWKM berpandangan bahawa tanggungjawab penjagaan warga emas perlu dilaksanakan dengan penuh rela dan kasih sayang dan bukannya tertakluk kepada undang-undang semata-mata. Seiring dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan peruntukan perundangan yang sedia ada, adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang tanggung jawab menjaga ibu bapa atau warga emas akan meningkat bagi memastikan peranan dan tanggung jawab ini digembleng secara bersama antara Kerajaan dan ahli masyarakat.

**SOALAN NO. : 72**

**DEWAN RAKYAT**
**PERTANYAAN LISAN**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (RABU)** |

**SOALAN:**

**Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan lanjut Kementerian terhadap syarikat Climate Protector Sdn Bhd yang didakwa melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam perjanjiannya dengan negeri Kelantan dalam urusan 'reducing emissions from deforestation and forest degradation' (REDD).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Kelantan telah menandatangani perjanjian bersama syarikat Climate Change Protector Sdn. Bhd untuk melaksanakan urusniaga kredit karbon. Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan 396,000 hektar kawasan hutan bagi tujuan pelaksanaan urusniaga ini secara konsesi kepada pihak syarikat selama 30 tahun.

Dalam masa yang sama, Malaysia sedang membangunkan dasar bagi program *Reducing Emissions from Deforestation and Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries* (REDD+) di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC).

Malaysia juga sedang berusaha untuk mendapatkan pembiayaan *Results Based Payments* (RBP) melalui dana Green Climate Fund (GCF). Dana RBP ini akan digunakan untuk pelaksanaan program REDD+. Bagi tujuan ini, Malaysia telah melaksanakan pelbagai aktiviti di peringkat antarabangsa dan nasional serta '*engagement*' dengan pihak berpentingan seperti kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan bagi memastikan pelaksanaan mekanisme REDD+ berjalan lancar.

1. Susulan daripada itu, Kementerian telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

   i. Mengeluarkan kenyataan akhbar bagi menjelaskan pendirian Kerajaan mengenai pelaksanaan mekanisme REDD+;

   ii. Mengemukakan maklumat secara bertulis mengenai mekanisme REDD+ kepada kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan yang lain; dan

   iii. Bersedia untuk memberikan penjelasan dasar dan teknikal kepada mana-mana Kerajaan Negeri atau pihak berkepentingan yang ingin mengetahui mengenai mekanisme REDD+. Dalam hal ini, Kementerian telah memberikan taklimat mekanisme REDD+ kepada Kerajaan Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**
**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**
**TARIKH : 26.07.2017 (RABU)**

**TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menambahbaikkan program TUKAR demi membantu penjaja, pengendali makanan dan perusahaan kecil tempatan untuk menjadi lebih kompetitif dan juga mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam situasi perniagaan semasa dan ekonomi yang mencabar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian telah mengambil inisiatif menambahbaik program TUKAR dengan menganjurkan sesi latihan berkaitan pengurusan kewangan dan perniagaan runcit untuk peserta-peserta TUKAR. Modul latihan yang diberikan adalah memfokuskan kepada asas pengurusan kewangan, rancangan perniagaan, pengurusan pembekal, strategi pemasaran, strategi jualan dan pengurusan inventori serta pengurusan perakaunan. Metodologi latihan yang digunakan adalah berbentuk teori dan praktikal. Latihan ini dijangka dapat membantu peserta TUKAR menjadi lebih kompetitif dalam perniagaan mereka.

Selain daripada itu, peserta program TUKAR juga digalakkan untuk mengembangkan segmen perniagaan seperti mewujudkan kafe, mewujudkan segmen barangan basah dan segar serta tidak terhad kepada menjalankan perniagaan peruncitan semata-mata di premis perniagaan mereka.

**SOALAN NO: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 26 JULAI 2017

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang memastikan pekerja tempatan yang diberhentikan kerja mendapat peluang pekerjaan dan memastikan pekerja asing tidak menjadi penghalang kepada pengambilan pekerja tempatan.

PR-1352-L01809

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya memohon izin Tuan Yang Di Pertua untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan YB Kuala Langat pada 7 Ogos 2017 kerana ia berkaitan isu yang sama iaitu pengambilan pekerja asing.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Jumlah pemberhentian pekerja bagi tempoh Januari sehingga 7 Julai 2017 adalah seramai 19,291 orang yang melibatkan 17,213 pekerja (89%) melalui pemberhentian biasa, manakala 2,078 pekerja (11%) melalui pemberhentian sukarela. Statistik menunjukkan bahawa pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak 15,288 orang (79%), sektor penginapan, perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 843 orang (4%) serta sektor perlombongan dan pengkuarian sebanyak 520 orang (3%).

3. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan tindakan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin serta kebajikan tidak diabaikan. Bagi tujuan tersebut, majikan diwajibkan untuk melengkapkan dan mengemukakan laporan mengenai pemberhentian pekerja dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian

tersebut dilaksanakan sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 63, Akta Kerja 1955. Kementerian Sumber Manusia juga akan memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang sedia ada, memastikan majikan mematuhi Garis Panduan Pemberhentian Pekerja dan membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang terjejas.

4. Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia turut bertanggungjawab bagi memastikan tindakan majikan yang menjalankan pemberhentian pekerja adalah mematuhi Seksyen 60M, Akta Kerja 1955 yang memperuntukkan bahawa tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing. Di bawah akta yang sama, Seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebihan pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

5. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga telah menubuhkan *1Malaysia Outplacement Centre* (1MOC) melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi membantu pekerja yang diberhentikan kerja khususnya kepada pekerja yang diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah khidmat maklumat portal dan aplikasi suai padan pekerjaan, kaunseling, latihan serta penempatan pekerjaan dengan bantuan dan kerjasama pihak *JobsMalaysia,*

Jabatan Tenaga Kerja. 1MOC turut dibuka kepada pekerja yang telah diberhentikan daripada syarikat yang tidak berdaftar dengan PSMB.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Mengenai penggajian pekerja asing, dasar Kerajaan adalah jelas iaitu memberi keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat Malaysia terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.

7. Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan majikan diberikan pertimbangan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.

8. Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi jawatan tertentu sahaja dalam enam (6) sektor formal iaitu sektor pembinaan; pertanian; perladangan; perkilangan; perlombongan dan pengkuarian; dan perkhidmatan (subsektor restoran (tukang masak), pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa dan refleksologi, kedi (lelaki), pengendalian kargo (pelabuhan dan

lapangan terbang) dan pembantu taman tema) serta satu (1) sektor informal iaitu pekhidmat domestik.

9. Oleh itu, mengenai pandangan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa penggajian dan kemasukan pekerja asing menyebabkan rakyat Malaysia hilang pekerjaan adalah kurang tepat kerana purata kadar pengangguran bagi tempoh 2012 hingga 2016 adalah sekitar 3.1%. Ini bererti bahawa pengisian kekosongan jawatan oleh pekerja asing bukanlah menggantikan pekerja warganegara dan berdasarkan data yang diperoleh kebanyakan penganggur adalah terdiri daripada kalangan belia dan graduan universiti yang tidak berminat dan kurang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pekerja am.

10. Berdasarkan statistik *JobsMalaysia* sepanjang tahun 2016, hanya seramai 4,304 rakyat Malaysia yang berdaftar sebagai pencari kerja dalam kategori pekerjaan asas, manakala permintaan majikan bagi kategori pekerjaan asas adalah jauh lebih tinggi iaitu sekitar 85,257 kekosongan jawatan sehingga 31 Disember 2016. Keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan membenarkan penggajian pekerja asing oleh majikan dan tertakluk kepada keperluan sebenar pihak industri.

**SOALAN NO. 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong (Alor Gajah)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah progres Kementerian dalam menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di mahkamah sivil bagi menangani masalah pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, perkhidmatan **Bantuan Sokongan Keluarga (BSK)** ini telah dimulakan di Mahkamah Syariah. BSK ditubuhkan di mahkamah Syariah kerana isu tuntutan nafkah dan penguatkuasaannya sering menjadi rungutan terutama di kalangan isteri atau isteri yang diceraikan atau ibu kepada kanak-kanak yang diceraikan. Mesyuarat Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 46 pada 7 Jun 2007 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan tuntutan dan penguatkuasaan Perintah Nafkah.

Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menawarkan perkhidmatan melalui Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan (UKNP), Unit Pengurusan Dana (UPD) dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) di seluruh Malaysia di seluruh Malaysia. Statistik pengurusan kes oleh BSK bagi 2016 adalah, bagi **Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP)**, jumlah daftar

keseluruhan kes baharu dan lama iaitu kes 2015 yang belum selesai di bawah UKNP sebanyak 1598. Daripada jumlah 1598 kes tersebut sebanyak 1359 (85%) kes telah dapat diselesaikan, bagi **Unit Pengurusan Dana (UPD)**, jumlah daftar keseluruhan kes baharu dan lama iaitu kes 2015 yang belum selesai, sebanyak 380. Daripada jumlah 380 kes tersebut sebanyak 100 (26%) kes telah dapat diselesaikan dan bagi **Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP)**, jumlah daftar keseluruhan kes baharu dan lama iaitu kes 2015 yang belum selesai di bawah UPPP adalah sebanyak 1714. Daripada jumlah 1714 kes tersebut sebanyak 1027 (59%) kes telah dapat diselesaikan.

Bagi golongan bukan Islam, setakat ini belum ada perkhidmatan BSK disediakan walaupun statistik menunjukkan keperluan untuk perkhidmatan BSK. Atas dasar ini, dicadangkan perkhidmatan BSK turut disediakan kepada golongan bukan Islam dalam mereka menghadapi permasalahan bagi perkara yang melibatkan perkara undang-undang.

Projek rintis akan dilaksanakan di mahkamah tinggi di Kuala Lumpur dan Selangor dan dijangka dua (2) bantuan sokongan keluarga ini dapat beroperasi selewat-lewatnya pada akhir tahun 2017. Penyelarasan dan mesyuarat susulan sedang diadakan di antara Jabatan Pembangunan Wanita, KPWKM bersama Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah

Persekutuan Malaysia, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi merealisasikan perkara ini.

**SOALAN NO. : 76**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
**[HULU LANGAT]**

**TARIKH** : **26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**Dr. Che Rosli Bin Che Mat** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menyediakan Kolam Takungan sama ada terbuka atau bawah tanah bagi mengatasi masalah banjir dan simpanan bekalan air tidak terawat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Air Larian Hujan Ribut di kawasan Bandar (*Urban Stormwater Management Manual*) untuk Malaysia atau dikenali sebagai Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). Garis panduan tersebut telah di terima pakai oleh Kabinet pada Januari digunakan oleh 2001 untuk pembangunan di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengutamakan konsep kawalan dipunca. Dalam garis panduan tersebut, kolam adalah salah satu kaedah yang diguna bagi mengumpul lebihan air larian yang ada semasa hujan lebat atau waktu puncak.

Lanjutan daripada itu, pihak NRE melalui JPS telah menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk beberapa buah bandar di negara ini untuk membantu pihak kerajaan menangani masalah banjir kilat. Melalui PISMA, banyak kolam-kolam takungan yang dicadangkan dan telah dibina bagi mengatasi masalah banjir kilat. Pembinaan kolam takungan sebagai kaedah mengatasi masalah banjir kilat adalah mengikut kepada kesesuaian tapak dan juga punca kepada berlakunya banjir.

Pemanfaatan air takungan kolam untuk dijadikan sebagai sumber alternatif kepada sumber air yang tidak terawat adalah satu langkah yang baik dan perlu diperhalusi. Memandangkan kolam-kolam yang dibina adalah tidak berskala besar, pembinaan infrastrutur untuk menjadikan air kolam tersebut

sebagai sumber air terawat tidak ekonomikal berbanding dengan sumber yang lain seperti sungai dan air bawah tanah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | **77** |

**YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah status terkini pembinaan hospital Kerajaan di Cyberjaya seperti yang diumum oleh YAB Perdana Menteri pada pembentangan belanjawan negara tahun lepas; dan

(b) memandangkan Cyberjaya terletak di bawah Parlimen Sepang, adakah hospital yang akan dibina itu akan dinamakan Hospital Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

(a) Projek Pembangunan Hospital Cyberjaya kini dalam peringkat perolehan dan pemilihan Kontraktor, di mana kontrak tersebut dijangka dapat dianugerahkan kepada Kontraktor yang berjaya pada bulan Ogos 2017. Tempoh pembinaan hospital tersebut dijangka akan mengambil masa selama 39 bulan dan akan bermula beroperasi pada awal tahun 2021.

(b) Buat masa ini, tiada perancangan di pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menukarkan nama Hospital Cyberjaya menjadi Hospital Sepang.

**NO. SOALAN : 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]**
**TARIKH : 26.7.2017 (RABU)**

**Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakan Kerajaan mempunyai cadangan untuk menetapkan harga siling bagi air mineral dalam botol agar tidak melebihi RM1 bagi 500ml memandangkan air mineral di pasaraya dan tempat makan sering dikenakan caj mahal.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian ini tidak bercadang untuk membuat penetapan harga siling bagi air mineral dalam botol walaupun menyedari bahawa harga air mineral botol 500ml adalah berbeza mengikut jenama di pasaran seperti Spritzer, Cactus dan jenama *housebrand hypermarket*. Namun begitu, sekiranya di dapati harga produk botol air mineral 500ml adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah, kementerian boleh mengambil tindakan menerusi **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** khususnya **Peraturan – Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016**. Pengeluaran **Notis** di bawah **Seksyen 21 Akta** dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana – mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan penjelasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **BAGI JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (RABU)** |
| **SOALAN** | : | **79** |

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat membantu dalam penyiasatan, penangkapan dan pendakwaan terhadap mereka yang menembak jatuh MH17 di Mahkamah Netherlands.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB. Selayang, sebagai salah satu anggota Pasukan Penyiasatan Bersama (*Joint Investigation Team* – JIT) yang menjalankan siasatan jenayah berhubung nahas penerbangan MH17, Malaysia bersama-sama dengan Australia, Belanda, Belgium dan Ukraine telah menjalinkan kerjasama antarabangsa dalam semua aspek penyiasatan terhadap orang-orang yang dipercayai terlibat dalam penembakan jatuh pesawat MH17. Kerjasama ini akan terus dijalinkan dalam fasa penangkapan dan pendakwaan di mahkamah Belanda kelak.

Berhubung bantuan Malaysia dalam aspek penyiasatan, Malaysia telah membantu dalam menjalankan siasatan ke atas pesawat dan rekod yang diperolehi daripada Malaysia Airlines (MAS) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Malaysia turut menghantar pegawai-pegawai penyiasat untuk turut terlibat dalam melaksanakan penyiasatan di lokasi di mana bangkai pesawat ditemui untuk mencari serpihan-serpihan bahagian pesawat dan lain-lain keterangan.

Berhubung bantuan Malaysia dalam fasa penangkapan kelak, Malaysia akan memberi bantuan dengan menggunakan kaedah kerjasama antarabangsa melalui ekstradisi atau bantuan undang-undang bersama selari dengan undang-undang domestik yang sedia ada iaitu *Extradition Act 1992* (*Act 479*) dan *Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002* (*Act 62*) sekiranya ianya boleh digunapakai. Malaysia juga akan bersama-sama dengan negara-negara lain dalam JIT untuk memberi

tekanan politik bagi mendapatkan orang-orang yang terlibat dalam penembakan jatuh pesawat MH17.

Manakala, berhubung bantuan Malaysia dalam fasa pendakwaan kelak, Malaysia akan meneruskan kerjasama bersama-sama negara-negara yang diwakili dalam JIT seperti mana yang dilaksanakan pada masa ini dalam kerja-kerja penyediaan mekanisma pendakwaan. Malaysia juga berhasrat mengambil bahagian dalam pendakwaan nasional atau sebagai pemerhati sepanjang masa prosiding jenayah tersebut berjalan. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada perbincangan lanjut dengan pihak Pendakwa Raya Belanda dan lain-lain negara yang diwakili dalam JIT. Selain daripada itu, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT juga telah bersetuju supaya memberikan sumbangan kewangan kepada pihak Belanda dalam melaksanakan pendakwaan nasional kelak.

**SOALAN ( 80 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 JULAI 2017
[ RABU ]

DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[ KUBANG KERIAN ]

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam **usaha untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan minat beriadah khususnya berbasikal, apakah usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan yang sesuai dan selamat untuk penunggang basikal.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau dan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau bagi Penyediaan Laluan Basikal pada tahun 2012. GPP ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju, badan Kerajaan dan bukan Kerajaan semasa merancang dan mereka bentuk sesuatu pembangunan hijau.

Penggunaan basikal pada masa kini untuk tujuan rekreasi khususnya dilihat semakin berkembang dan popular di kalangan masyarakat Malaysia bagi menggalakkan masyarakat sihat dan aktif. Antara aspek yang disentuh berkenaan penyediaan laluan basikal dalam GPP ini adalah jenis-jenis

laluan basikal, pengintegrasian laluan basikal dengan perancangan jalan raya dan kemudahan transit, kemudahan tempat letak basikal, penyediaan pelan induk laluan basikal serta ciri-ciri dan elemen reka bentuk laluan basikal.

KPKT melalui PLANMalaysia turut menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki (*Healthy Walkable City*) yang memberi penekanan kepada pewujudan persekitaran mesra pejalan kaki dan berbasikal sebagai mod pergerakan dan pengangkutan yang mesra alam di dalam bandar khususnya. Antara aspek yang ditekankan adalah penyediaan pelan induk pejalan kaki dan basikal di peringkat PBT semasa penyediaan rancangan pemajuan dan program-program yang berkaitan seperti Program *LinkBike Berbasikal*, *Car Free Campaign* serta lain-lain usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan yang sesuai dan selamat untuk penunggang basikal.

Dalam memastikan usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan basikal di peringkat tempatan, satu penghargaan iaitu Program

Penghargaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau turut diberikan kepada PBT setiap tahun yang aktif melaksanakan inisiatif pembangunan kejiranan hijau termasuklah penyediaan laluan basikal bermula pada tahun 2011 sehingga kini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**Soalan No: 81**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Bon Pelaksanaan Bazlan Security tidak digunakan untuk membayar gaji 23 orang bekas pekerja Bazlan Security di Parit, Perak walaupun Mahkamah Buruh telah menyatakan mereka harus dibayar RM107,595 sebagai tunggakan gaji. Di manakah Bon Pelaksanaan yang dirampas oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa merujuk dan tertakluk kepada tatacara kewangan dalam menguruskan hal ehwal kewangan. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, setiap Bon Pelaksanaan yang dirampas akan dimasukkan ke dalam akaun hasil. Merujuk kepada Bon Pelaksanaan Bazlan Security, KPM hanya menerima pemakluman daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berhubung Perintah Larangan untuk menyalurkan Bon Pelaksanaan kepada JTK pada 12 Oktober, iaitu selepas Bon Pelaksanaan dirampas melalui surat bertarikh 5 Februari 2015.

**SOALAN NO. 82**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sasaran yang telah dicapai dalam pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di seluruh negara, terutama di Sabah.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 333 projek telah diluluskan di seluruh negara. Daripada jumlah ini sejumlah 3,458 unit sudah siap untuk diduduki, dan bakinya sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Untuk Negeri Sabah, sejumlah 7,220 unit melibatkan 14 projek telah diluluskan. Daripada jumlah ini sejumlah 136 unit sudah siap dan 2,016 unit sedang dalam pembinaan manakala 3,593 unit sedang dalam peringkat pra pembinaan dan 1,475 unit di peringkat kelulusan perancangan

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | |

**YB. Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang meletakkan suatu polisi dalam mengawal moral pelancong asing supaya mereka dapat menghormati agama, budaya dan adat resam ketimuran.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak meletakkan suatu polisi dalam mengawal etika pelancong asing yang melawat negara kita. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Tourism Malaysia telah menerbitkan risalah seperti "*Malaysia Travel Guide*" dan "*Customs & Etiquette*" sebagai panduan dan rujukan kepada para pelancong terutama mereka yang ingin berinteraksi dengan masyarakat tempatan supaya mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Risalah-risalah ini telah diterbitkan sejak lebih daripada 10 tahun yang lalu dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan terkini. Antara perkara yang diberi perhatian adalah mengenai aspek etika sosial seperti yang berikut:-

i) Pengenalan kepada masyarakat tempatan dan sensitiviti, seperti cara memberi salam kepada golongan berusia dan kenamaan dengan gelaran, berpakaian, pantang larang kaum, tingkah laku ketika melawat rumah-rumah ibadah, inap desa (program "*homestay*") dan cara yang terbaik untuk berinteraksi dengan masyakat tempatan;

ii) Cara berkelakuan di khalayak ramai di mana kelakuan kurang sopan tidak digalakkan;

iii) Pemakaian yang bersesuaian di majlis-majlis rasmi dan perayaan keagamaan; dan

iv) Panduan-panduan lain seperti keperluan menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah orang tempatan, cara-cara menghormati perayaan tempatan dan bersalaman dengan cara timur.

Risalah-risalah ini telah diedarkan ke serata dunia dan boleh diakses daripada laman sesawang Tourism Malaysia iaitu "www.tourism.gov.my". Di samping itu, pemandu-pemandu pelancong yang berlesen di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah dilatih untuk memberi penerangan kepada para pelancong berhubung perkara-perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan (*do's and dont's*) semasa berkunjung ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 84 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 JULAI 2017 [ RABU ]

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN ARIFIN
[ ROMPIN ]

SOALAN :

**YB DATO' SRI HASAN ARIFIN [ROMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar '*happynomics* dan *quality able of life*' merupakan indikator penting dalam pencapaian ekonomi negara maju. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan dasar ini di antara dasar penting negara.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa pembangunan ekonomi semata-mata bukanlah petunjuk yang sempurna bagi menggambarkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Sejak sekian lama, dasar Kerajaan sentiasa menumpukan kepada pembangunan sosio-ekonomi di mana aspek sosial dan kualiti hidup rakyat diberi perhatian yang sama penting dengan pembangunan ekonomi. Semenjak tahun 1991, Kerajaan telah menekankan aspek pembangunan seimbang seperti yang diperkenalkan dalam Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional.

Justeru itu, bagi mengukur pencapaian sosio ekonomi dan kualiti hidup rakyat, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) semenjak tahun 1999 yang mengandungi 10 komponen dan 38 indikator. Seterusnya, IKHM telah diperkukuh dan dimantapkan sebagai Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2012 agar skopnya lebih menyeluruh dan dapat menggambarkan kesejahteraan rakyat. IKRM mengandungi 14 komponen dan 68 indikator antaranya pengangkutan, komunikasi,

pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga. IKRM telah ditanda aras dengan inisiatif antarabangsa terpilih antaranya *OECD Your Better Life Index 2012, Quality of Life Index 2005, Human Development Indicator 2013* dan *World Happiness Report 2013.*

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 2000-2015, IKRM telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4% setahun, disumbangkan oleh komponen ekonomi sebanyak 1.9% dan komponen sosial sebanyak 1.1%. Ini menunjukkan bahawa pembangunan negara bersifat inklusif di mana hasil pembangunan telah dapat disalurkan terus kepada rakyat dan menambah baik kualiti kehidupan mereka. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada sektor ekonomi dan sektor sosial bagi membolehkan rakyat menikmati akses yang lebih baik kepada perkhidmatan yanag disediakan oleh Kerajaan termasuklah pengangkutan, komunikasi, pendidikan dan kesihatan. Dari segi persekitaran kehidupan juga telah bertambah baik berikutan peningkatan kualiti tempat kediaman dan kemudahan asas serta tahap keselamatan awam.

Namun begitu, IKRM juga telah menunjukkan terdapat beberapa bidang yang berprestasi kurang memuaskan seperti bidang kesihatan, alam sekitar dan keluarga. Kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan sedang mengambil langkah untuk menanganinya melalui program dan inisiatif yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**

**TARIKH : 26.07.2017**

**SOALAN : NO.85**

**Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar daripada Negara China dan pelajar tempatan yang belajar di Universiti Xiamen sejak ditubuhkan 2013 dan berapakah bilangan pensyarah daripada Malaysia dan luar negara.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Xiamen ditubuhkan di Malaysia pada tahun 2014 yang dikawal selia dan ditadbir urus mengikut Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Sehingga Jun 2017, seramai 1,280 orang pelajar tempatan dan 447 orang pelajar antarabangsa telah didaftarkan di Universiti Xiemen. Manakala seramai 32 orang pensyarah tempatan dan 22 orang pensyarah luar negara sedang berkhidmat di Universiti tersebut.

**SOALAN NO: 86**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (RABU)** |
| **SOALAN** | : | **86** |

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) sejauh manakah pihak Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi yang sepatutnya berfungsi untuk mencegah penyalahgunaan data peribadi orang awam untuk tujuan komersil; dan

(b) setakat ini berapakah jumlah kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta tersebut dibawa ke Mahkamah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah

menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) pada 15 November 2013 yang bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Setiap pengguna data wajib mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi dalam mengendalikan data peribadi milik pelanggan bagi memastikan data peribadi tersebut tidak disalahgunakan.

Sehingga Jun 2017, sebanyak 12,537 pengguna data yang terdiri daripada 13 Golongan Pengguna Data telah berdaftar sebagai pengguna data di bawah Akta 709. Kegagalan untuk mendaftar di bawah Akta 709 adalah merupakan suatu kesalahan yang mana jika sabit kesalahan, pengguna data boleh didenda didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.

Pihak JPDP juga telah dan sedang giat menjalankan lawatan pemantauan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan pengguna data mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 709 khususnya berkenaan tadbir urus data peribadi milik pelanggan (subjek data).

Sehingga Jun 2017, sebanyak 184 lawatan pemantauan telah dilakukan diseluruh negara, melibatkan pengguna data yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti perbankan, kesihatan, institusi pengajian tinggi, perkhidmatan, jualan langsung, utiliti dan hartanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 155 lawatan pemantauan diadakan di bawah seksyen 48(g) Akta 709.

Bermula penghujung tahun 2016 sehingga Jun 2017, penekanan terhadap pelaksanaan audit pematuhan turut dipertingkatkan, di mana JPDP telah menjalankan pemeriksaan sistem data peribadi di bawah peruntukan seksyen 101 ke atas 29 pengguna data di seluruh negara.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas Akta 709 dikuatkuasakan, sebanyak 295 aduan telah diterima di mana 40 peratus aduan telah berjaya diselesaikan. Manakala sebanyak 13 aduan telah menghasilkan kes, di mana 6 kes telah di bawa ke Mahkamah manakala baki 7 kes adalah sedang dalam siasatan lanjut.

**NO SOALAN :87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan timbang tara antara 1MDB/MoF dan IPIC di London Court of Arbitration.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London.

Syarat-syarat penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya.

Di samping itu, pihak 1MDB dan IPIC telah bersetuju untuk melaksanakan rundingan secara jujur (*good faith negotiations*, dengan izin) berkenaan dengan wang yang telah dibayar oleh 1MDB kepada entiti-entiti tertentu.

**SOALAN ( 88 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| TARIKH | : | 26 JULAI 2017<br>[ RABU ] |
| DARIPADA | : | YB DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH<br>[MUKAH] |
| SOALAN | : | |

**YB DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang telah berdaftar dengan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) serta sejauh manakah program ini telah membantu meningkatkan tahap kebolehpasaran dan keupayaan para peserta yang telah berjaya mengikuti program SL1M

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Jun 2017 baru-baru ini, genaplah 6 tahun perlaksanaan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) selepas penubuhannya pada Jun 2011.

Sepanjang perlaksanaannya, program ini sentiasa mendapat sokongan penuh daripada pihak industri terutamanya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan swasta yang aktif mengambil bahagian. Sejak penubuhannya, lebih 300 syarikat GLCs, syarikat-syarikat besar, sederhana dan kecil mengambil bahagian dan melaksanakan program SL1M. Program SL1M merupakan program graduan yang akan terus kekal relevan dan signifikan dalam membantu mereka mendapat pekerjaan selepas mendapat mandat Kerajaan yang mewajibkan setiap syarikat kategori G7 untuk mengambil peserta SL1M sebagai pra-syarat untuk membida kontrak-kontrak dari Kerajaan. Sekiranya syarikat tidak melaksanakan program SL1M, mereka dianggap tidak memenuhi syarat untuk mendapatkan kontrak Kerajaan.

Konklusinya, semua syarikat senaraian awam hendaklah diwajibkan mengambil bahagian dalam program SL1M bagi memastikan syarikat-syarikat ini menyumbang semula kepada masyarakat dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Perkara ini telah dimaktubkan sebagai sebahagian daripada terma-terma kontrak perolehan Kerajaan.

Dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan syarikat, Kerajaan telah menawarkan insentif-insentif kepada syarikat ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan dan sebagai menghargai segala sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh syarikat untuk menjayakan program SL1M seperti insentif potongan cukai berganda dan Skim HRDF-SL1M di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Hebahan dan promosi SL1M melalui media cetak dan elektronik terus dipergiatkan bagi menambah jumlah syarikat menyertai program SL1M.

Langkah-langkah ini diharap dapat menarik lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat dalam usaha memastikan semua rakyat Malaysia terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman atau datang

dari keluarga berpendapatan rendah dapat dibantu bagi memperbaiki taraf sosio ekonomi mereka dan keluarga.

Program SL1M dilaksanakan dengan matlamat untuk membantu graduan yang sukar memdapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian melalui program Latihan penempatan pekerjaan di industri. Graduan yang terpilih akan ditaja sepenuhnya untuk menjalani latihan SL1M di syarikat terlibat serta didedahkan dengan pengalaman kerja sebenar di mana proses pembelajaran yang diperoleh sepanjang Latihan akan membantu meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran seterusnya memberi nilai tambah dalam diri graduan.

Setakat 30 Jun 2017, seramai 126,442 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

26Julai 2017

**Soalan No: 89**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil kajian tangga gaji guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semakan tangga gaji guru memerlukan satu kajian yang komprehensif dan mempunyai implikasi yang sangat besar kewangan negara. Pelbagai aspek perlu diberi perhatian yang memerlukan pertimbangan serta kelulusan pihak Agensi Pusat.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), telah diperuntukkan penetapan gaji permulaan berdasarkan kelayakan akademik sama ada Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bagi.

Bagi guru dalam perkhidmatan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD, mereka diberikan pengiktirafan dalam penilaian Akademik dan Pengalaman. Pengiktirafan ini memberikan *Margin of Preference* (MOP) yang lebih besar kepada guru yang memiliki kelayakan lebih tinggi, iaitu dengan wajaran 8 peratus bagi pemegang sarjana dan 10 peratus bagi pemegang PhD dalam urusan kenaikan pangkat tanpa mengambil kira tempoh menamatkan pengajian.

Selain itu juga, Kementerian Pendidikan Malaysia terus berusaha memantapkan laluan kerjaya guru dengan menyediakan peluang kenaikan pangkat melibatkan 22 laluan kenaikan bagi semua gred. Antaranya ialah mewujudkan laluan Guru Cemerlang yang menjadi pemangkin dalam meningkatkan prestasi guru. Ini membolehkan pengiktirafan yang formal diberi kepada guru yang cemerlang selain peningkatan ganjaran kewangan.

RJM31

**Soalan No: 90**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

(a) memandangkan Kerajaan negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Selangor telah mengiktiraf sijil peperiksaan UEC yang bermula pada tahun 1975 dan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengiktiraf sijil peperiksaan UEC ini;dan
(b) apakah sebab sebenar Kerajaan Persekutuan gagal mengiktiraf sijil peperiksaan UEC yang telah memperolehi pengiktirafan di peringkatantarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Isu berhubung pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) telah dijawab berulang kali oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam dewan yang mulia ini. UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

RJM32

**SOALAN NO: 91**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | : | **91** |

**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan alasan sebenar pihak kementerian bertindak melonggarkan syarat Lulus Bahasa Melayu peringkat SPM bagi lantikan ke jawatan Pegawai Perubatan UD41.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan dua (2) soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan syarat kelulusan Bahasa Melayu untuk pelantikan Pegawai Perubatan kontrak secara menyeluruh iaitu pertanyaan daripada:

i. **2 Ogos 2017: DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK] minta MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebab pegawai perubatan kontrak diberi kelonggaran syarat lulus Bahasa Malaysia, memandangkan polisi baru yang diluluskan oleh JPA akan melemahkan Bahasa Melayu dan secara

tidak langsung juga mengurangkan keyakinan terhadap kepentingan bahasa kebangsaan ini.

ii. **8 Ogos 2017: Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan lantikan kontrak pegawai perubatan di hospital Kerajaan dari Universiti Tempatan awam dan swasta dalam negara dan mempunyai kepujian dalam Bahasa Melayu yang tidak dipanggil untuk"housemanship".

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, isu kelulusan Bahasa Melayu telah pun selesai ditangani oleh Kerajaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017 yang memutuskan bahawa:

(1) kelonggaran syarat kelayakan Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah ditarik balik dan kekal sepertimana yang diperuntukkan dalam syarat skim perkhidmatan Pegawai Perubatan; dan
(2) Keputusan ini termasuk juga bagi urusan pelantikan Pegawai Perubatan kontrak Gred UD41.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini Kementerian memohon pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu ini bagi tujuan untuk membolehkan graduan perubatan melaksanakan latihan siswazah sebagaimana keperluan Akta Perubatan 1971.

Di bawah Seksyen 13(2), Akta Perubatan 1971 telah ditetapkan bahawa seseorang graduan perubatan yang diberi Pendaftaran Sementara oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi tujuan menjalani dan melengkapkan *housemanship*. Pada masa ini latihan *housemanship* dilaksanakan selama 2 tahun dan hanya boleh dilaksanakan di Hospital Kerajaan sahaja sebelum boleh diberi Pendaftaran Penuh sebagai Pegawai Perubatan terlatih.

Sementara itu, di bawah Seksyen 40, Akta Perubatan 1971 turut menetapkan bahawa Pegawai Perubatan perlu menjalani perkhidmatan wajib selama 2 tahun setelah diberi Pendaftaran Penuh bagi membolehkan mereka mengamal sebagai doktor perubatan di Malaysia sama ada di sektor awam atau swasta.

Mengambil kira keperluan graduan perubatan perlu menjalani siswazah, sebelum boleh dipertimbangkan Pendaftaran Penuh, maka pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM telah diberi kepada graduan berkenaan hanya bagi tujuan lantikan kontrak sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan lantikan tetap, mereka perlu lulus Bahasa Melayu.

Pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan di KKM dilaksanakan mulai 5 Disember 2016. Sehingga 17 Julai 2017, seramai 4,604 graduan Perubatan dari IPTA dan IPTS dari dalam dan luar negara telahpun dilantik. Hanya 7 graduan perubatan tidak mempunyai kelulusan Bahasa Melayu di peringkat SPM telahpun dilantik. Manakala, 16 graduan lagi telah berdaftar dengan SPA dan urusan pelantikan mereka dijangkakan pada masa akan datang selepas mereka memenuhi syarat lulus Bahasa Melayu.

**NO SOALAN :92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kutipan GST setakat soalan ini dan di manakah ia dibelanjakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak RM27.012 bilion dan RM41.206 bilion. Manakala bagi tahun 2017, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM19.311 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kutipan hasil cukai GST

dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan semua cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi membiayai aktiviti pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat seperti menambahbaik kemudahan infrastruktur jalan raya, kesihatan dan pendidikan yang tentunya dapat terus menyokong pembangunan ekonomi yang mapan.

**SOALAN NO.: 93**

## PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**
**DARIPADA** : **YB. TUAN WONG LING BIU**
**KAWASAN** : **SARIKEI**
**TARIKH** : **26 JULAI 2017, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG LING BIU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa berapa peratus projek lebuhraya Pan Borneo dari Sg. Awik ke Simpang Bintangor telah dikontrak oleh kontraktor-kontraktor tempatan Sarawak. Adakah kontraktor-kontraktor tempatan mendapat manafaat dari projek lebuhraya Pan Borneo.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak bagi pakej yang dimaksudkan ialah Work Package Contract (WPC) No. 6 - Jajaran Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor sepanjang 64 km. Pakej ini telah dianugerahkan kepada satu syarikat usaha sama iaitu PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd - Bina Puri Holding Bhd JV. PPES Works (Sarawak) Sdn Bhd sebagai kontraktor tempatan memegang 70% ekuiti, manakala Bina Buri Holding Bhd memegang baki 30% ekuiti dalam syarikat usaha sama tersebut.

Penganugerahan kontrak kepada syarikat usahasama ini selaras dengan polisi perolehan yang ditetapkan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Tender Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu hanya syarikat kontraktor warga Sarawak atau pegangan ekuiti majoriti warga Sarawak yang memenuhi kriteria teknikal, kewangan dan berpengalaman dilantik sebagai Work Package Contractor (WPC) bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan pegangan ekuiti minimum sebanyak 70%. Manakala, bagi kerja-kerja sub-kontrak hanya sub-kontraktor tempatan sahaja boleh dilantik.

Polisi yang ditetapkan ini membolehkan kontraktor-kontraktor tempatan Sarawak yang berkelayakan diberi keutamaan seterusnya menerima manfaat secara langsung daripada pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.: 95**

## PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY** |
| **KAWASAN** | : | **KOTA KINABALU** |
| **TARIKH** | : | **26 JULAI 2017 (RABU)** |

**SOALAN:**

**TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Pan Borneo di Sabah. Berikan jumlah wang yang dibelanjakan, nama kontraktor serta nama projek berkenaan Pan Borneo

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk Negeri Sabah, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penelitian.

Sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 5 pakej daripada keseluruhan 35 pakej bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah memulakan kerja-kerja pembinaan. Status kemajuan fizikal bagi 5 pakej tersebut sehingga bulan Jun 2017 adalah seperti berikut:

(a) Pakej dari Donggongon ke Papar (11.7km); Kemajuan semasa adalah 22.34% (sebenar) berbanding 35.11% (jadual);
(b) Pakej dari Tawau ke Semporna (5.0km); Kemajuan semasa adalah 30.20% (sebenar) berbanding 39.67% (jadual);
(c) Pakej Lahad Datu Bypass (7.0km); Kemajuan semasa adalah 7.23% (sebenar) berbanding 14.84% (jadual);
(d) Pakej dari Sindumin ke Kg. Melalia (28.4km); dan
(e) Pakej dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32 (18.0km) masih lagi dalam kerja-kerja pra-pembinaan.

Untuk makluman, peruntukan bagi kos pembinaan yang telah diluluskan untuk pelaksanaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah sebanyak RM 12.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM 39 juta telah dibayar** kepada kontraktor yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No: 96**

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 26.7.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada tender terbuka telah dilakukan dalam pembekalan komputer mudah alih Chromebook dengan kos RM248 juta, dan jika ya, beri perinciannya.

**BPPA**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan bagi projek Pembekalan Peralatan ICT ke Makmal Komputer secara konsep Makmal Komputer Mudah Alih menggunakan perkakasan *notebook* dengan sistem operasi *Chrome* pada tahun 2013 secara rundingan terus adalah mengikut tatacara perolehan kerajaan sepenuhnya.

RJM33

**SOALAN NO. 97**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia akan menghantar pasukan peguam ke Amerika Syarikat sebagai pemerhati yang berkepentingan dalam isu saman perampasan aset yang dibeli dengan pengubahan duit 1MDB. Kalau tidak, kenapa.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia mengambil maklum bahawa pihak *Department of Justice (DOJ)* di Amerika Syarikat telah memulakan suatu tindakan sivil di mahkamah Amerika Syarikat dan sedang memantau perjalanan serta perkembangan kes sivil tersebut.

Kerajaan Malaysia juga mengambil maklum bahawa tindakan sivil tersebut kini berada dalam bidang kuasa mahkamah di Amerika Syarikat dan tiada sebarang pertuduhan jenayah yang telah dikenakan terhadap mana-mana individu setakat ini bagi sebarang kesalahan jenayah, serta tiada sebarang keputusan mahkamah dibuat mengenai perkara ini.

Kerajaan Malaysia sentiasa mendukung prinsip kedaulatan undang-undang (*rule of law*) serta menghormati kebebasan pihak DOJ di Amerika Syarikat untuk mengambil sebarang tindakan undang-undang yang difikirkan wajar.

Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara pada masa ini belum bercadang untuk menghantar pasukan peguam ke Amerika Syarikat sebagai pemerhati dalam prosiding sivil yang difailkan oleh pihak DOJ, di mahkamah Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN**
**[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9969**

**SOALAN:**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Dalam Negeri dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan Kementerian Dalam Negeri.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**KDN telah menerima peruntukan perbelanjaan bekalan sebanyak RM525,815,982.13 untuk tahun 2015 hingga Jun 2017. Manakala peruntukan pembangunan sebanyak RM2,581,154,300.00 bagi tempoh yang sama. Pecahan mengikut tahun peruntukan bekalan KDN adalah sebanyak RM195,868,330.57 (2015), RM213,756,639.07 (2016) dan RM116,191,012.49 (2017). Bagi peruntukan pembangunan pula KDN menerima peruntukan sebanyak RM782,503,700.00 (2015), RM840,914,000.00 (2016) dan RM957,736,600.00 (2017).**

**NO. SOALAN: 99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9970**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci syarikat-syarikat yang terlibat dalam pencetakan pasport, serta nilai dan tempoh kontrak tersebut dan sama ada kontrak dianugerahkan secara tender terbuka atau rundingan terus.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kontrak Perkhidmatan Percetakan *Personalization Passport* berasaskan Muka Surat *Biodata Polycarbonate* untuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah diberikan kepada Syarikat Datasonic Sdn. Bhd. untuk tempoh 5 tahun bermula pada 1 Februari 2013 hingga 31 Januari 2018 dengan nilai RM284,700,000.00.**

**Manakala bagi kontrak pembekalan 12.5 juta cip Pasport dan Dokumen Pasport Malaysia Antarabangsa juga telah diberikan kepada Syarikat Datasonic Sdn. Bhd untuk tempoh 5 tahun bermula pada 1 Disember 2016 hingga 30 November 2021 masing-masing berjumlah RM318,750,000.00 dan RM223,376,400.00.**

**SOALAN (100)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| TARIKH | : | 26 JULAI 2017<br>[ RABU ] |
| DARIPADA | : | YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD<br>[ KOTA RAJA ] |
| SOALAN | : | |

**YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan yang telah dilaburkan dalam Projek PIPC Pengerang.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) telah berjaya menarik pelaburan swasta sebanyak RM119 billion dengan pecahan seperti berikut:

(i) pelaburan berjumlah USD27 billion (dianggarkan bersamaan dengan RM108 billion pada kadar tukaran asing semasa) untuk pembangunan *Pengerang Integrated Complex (PIC)* oleh syarikat PETRONAS; dan

(ii) Pelaburan sebanyak RM11 billion untuk pembangunan Projek Terminal Laut Dalam Pengerang (PDT) menerusi kerjasama Kumpulan Dialog Berhad - Royal Vopak - Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan (SSI).

Secara keseluruhannya Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.49 billion di bawah Rancangan Malaysia ke-10 dan Rancangan Malaysia ke-11 bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berkaitan di dalam pembangunan PIPC. Sehingga kini, sebanyak 7 daripada 25 pakej projek telah berjaya disiapkan yang seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan di Pengerang dan

kawasan persekitaran. Di antara projek infrastruktur dan kemudahan yang telah disediakan termasuk Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan, Klinik Kesihatan, Pusat-Pusat Komuniti, Tabika KEMAS, Sistem Bekalan Air dan Kompleks Perikanan Nelayan Fasa Pertama. Disamping itu, sebanyak lima (5) lagi projek infrastruktur dan kemudahan awam dijangka siap pada akhir tahun ini termasuk pembinaan Balai Polis baru, naik taraf Klinik Kesihatan sedia ada dan menyediakan perkhidmatan khas *"Burn Treatment Unit"*, naik taraf dua (2) jalan sedia ada dan pembinaan jalan baru.

Secara umumnya, nisbah pelaburan awam dan swasta adalah pada nisbah 1:48 iaitu RM2.49 billion oleh pihak Kerajaan dan sebanyak RM119 billion merupakan pelaburan swasta.

Pada masa yang sama, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Johor juga turut serta dalam pembangunan PIPC khususnya melalui penyediaan kawasan-kawasan industri baru bagi menempatkan syarikat-syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan industri sokongan berkaitan minyak dan gas.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017

**NO SOALAN :101**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. DR. ONG KIAN MING (SERDANG)** |
| **PERTANYAAN** | **: LISAN** |
| **TARIKH** | **: 26.07.2017** |

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran balik cukai (tax refund) GST yang belum dibayar balik kepada majlis perbandaran dan majlis daerah di Selangor dan Pulau Pinang sejak Jun 2016 dan bilakah pembayaran balik ini akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2016, tuntutan bayaran balik GST oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor yang telah dibayar oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebanyak RM52.3 juta, tuntutan yang masih

belum dibayar adalah sebanyak RM13.0 juta dan tuntutan yang ditolak adalah sebanyak RM16.4 juta. Manakala bagi tuntutan bayaran balik GST oleh PBT di Pulau Pinang, tuntutan bayaran balik GST yang telah dibayar oleh pihak JKDM adalah sebanyak RM13.8 juta dan tuntutan yang ditolak adalah sebanyak RM3.5 juta.

Tuntutan bayaran balik yang ditolak atau ditangguh secara asasnya adalah disebabkan perkara berikut:

i. Pihak PBT tidak mengakaunkan GST ke atas beberapa jenis bekalan (*supply*) yang sepatutnya dikenakan GST oleh pihak PBT;

ii.Terdapat tuntutan kredit cukai input dibuat ke atas aktiviti yang tidak berkaitan dengan fungsi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan (*Regulatory and Enforcement* - R&E);

iii. Pihak PBT juga didapati telah membuat tuntutan kredit cukai input bagi item-item yang tidak layak dituntut berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP) 2014, Peraturan 36. Sebagai contoh tuntutan ke atas kereta untuk kegunaan PBT yang merupakan *'block input tax'*;

iv. Pihak PBT tidak memberikan maklumbalas terhadap kuiri dari *Refund Officer* seperti pengemukakaan maklumat tambahan atau sokongan menyebabkan permohonan berkenaan gagal untuk diproses mengikut tempoh yang ditetapkan. Terdapat jua PBT yang gagal mematuhi arahan untuk membuat pindaan penyata GST-03 menyebabkan Unit *Refund* telah menangguhkan bayaran balik GST selaras dengan peruntukan Seksyen 38(5) Akta GST 2014; dan

v. Terdapat PBT yang tidak menjalankan sepenuhnya fungsi R&E iaitu hanya menjalankan fungsi Pengawalseliaan sahaja tetapi PBT berkenaan membuat tuntutan kredit cukai input di bawah Peraturan 49, Peraturan-Peraturan CBP 2014.

**SOALAN NO. 102**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima cadangan Kerajaan dengan mensyaratkan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM bagi mengisi jawatan-jawatan perkhidmatan awam. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah mata pelajaran lain sebagai syarat wajib lulus dalam SPM, khususnya mata pelajaran agama dan mata pelajaran sivik.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan urusan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan termasuk keperluan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM.

Pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menambah mata pelajaran lain sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam SPM untuk pelantikan ke semua skim perkhidmatan kecuali bagi skim perkhidmatan tertentu yang ditetapkan bergantung kepada kesesuaian dan keperluan sesuatu skim perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarat-syarat pelantikan dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan kepada ketetapan di bawah sesuatu skim perkhidmatan dan syarat ini adalah berbeza antara satu skim dengan satu skim yang berlainan. Sebagai contoh, bagi maksud pelantikan ke jawatan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 atau jawatan Pembantu Syariah Gred LS19, calon mestilah mendapat Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau

Pendidikan Syariah Islamiah serta mendapat Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi) dalam peperiksaan SPM.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 103**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)** **[ LUMUT – PKR ]** |
| **TARIKH** | **:** | **26 JULAI 2017** |
| **SOALAN** | **:** | **103** |

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid (B) [Lumut]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah National Special Operations Force dibubarkan memandangkan ia tidak terkandung dalam Akta MKN dan bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pasukan Operasi Khas Nasional (*National Special Operations Force* – NSOF) diwujudkan melalui lunas undang-undang dan tidak melanggar mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan mahupun Akta Majlis Keselamatan Negara.

Ancaman keganasan ke atas ketenteraman awam adalah di luar jangka dan merupakan fenomena global yang boleh wujud pada bila-bila masa sahaja. Justeru, penubuhan NSOF merupakan strategi ke hadapan negara dalam menangani dan menghadapi situasi ancaman keganasan luar jangka sebelum, semasa dan selepas sesuatu ancaman ke atas ketenteraman awam berlaku.

Keselamatan negara merupakan aspek paling penting dan menjadi keutamaan pihak Kerajaan dalam memastikan keharmonian, keutuhan dan kemakmuran rakyat dan negara tidak diganggu gugat dan sentiasa terjaga. Mesyuarat *Pre-Council National Strategy Execution Summit* yang

dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 28 Julai 2011 bersetuju NSOF ditubuhkan sebagai sebuah pasukan tindak balas pantas berperanan untuk menangani insiden berpunca daripada ancaman keganasan yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Selaras dengan itu, Arahan Eksekutif telah dikeluarkan pada 28 Februari 2017 yang ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri selaku Pengerusi Sidang Majlis Keselamatan Negara.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 104**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 ( RABU )**

**Dato' Dr Tan Kee Kwong [ WANGSA MAJU ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan siasatan berkaitan dengan kes kemelut Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan impak isu ini terhadap pelaburan FGV serta langkah memelihara kepentingan pemegang-pemegang saham awam di mana harga saham FGV menurun.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas.

Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti

biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry* – DI) dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Langkah-langkah ini dilihat mampu memulihkan kemelut yang melanda FGV dengan segera sekali gus memberi ruang kepada FGV terus fokus kepada penambahbaikan operasi perniagaannya.

Sekian. Terima kasih.